



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN ROSMADI BIN RUSLAN  
UNIT TINDAKAN KHAS (UTK) BUKIT AMAN**

**OLEH:**  
**FARHAH AMALINA BINTI MOHD HAMAL**  
**2011443432**  
**NOOR AFIQAH BINTI BAHARI**  
**2011604636**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN ROSMADI BIN RUSLAN  
UNIT TINDAKAN KHAS (UTK) BUKIT AMAN**

**OLEH:**  
**FARHAH AMALINA BINTI MOHD HAMAL**  
**2011443432**  
**NOOR AFIQAH BINTI BAHARI**  
**2011604636**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TITLE</b>	<b>PAGE</b>
	<b>NO</b>
Penghargaan.....	i.
Abstrak.....	ii.
Biodata Tokoh.....	iii.
Pengenalan.....	vi.
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Pengalaman Pekerjaan.....	21
Bahagian C: Pengalaman bertugas di Lahd Datu , Sabah .....	29
Bahagian D: Khidmat sosial dan kemasyarakatan.....	45
Senarai soalan	
Log wawancara	55
Indeks	60
Rujukan	56
Lampiran	65
Surat kebenaran	66
Surat Perjanjian	
Gambar	
Keratan akhbar	

# **PENGHARGAAN**

## Penghargaan

Bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami siapkankan projek kami ini dengan jayanya. Di harapkan agar projek kami ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, penghargaan kami sudah tentulah kepada Tuan Rosmadi Bin Ruslan, seorang anggota polis yang bertugas di Unit Tindakan Khas (UTK) Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman Kuala Lumpur. Kami berterima kasih atas kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam bidang keselamatan dan pertahanan negara. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik, pensyarah kami untuk kursus ini iaitu *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Penghargaan buat Puan Nor Kamariah atas usaha yang telah beliau berikan, memberikan kami nasihat dan mengajar kami cara-cara untuk membuat dan menyiapkan kerja projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau kami pasti menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalaunya.

Sekian, terima kasih

# **ABSTRAK**

## **Abstrak**

*Abstrak: Transkrip ini mengandungi temu bual bersama Tuan Rosmadi bin Ruslan mengenai kerjaya beliau dalam bidang keselamatan. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Tuan Rosmadi sendiri di No. 2273, Jalan Permata 22 Taman Permata Kuala Lumpur. Beliau merupakan Inskeptor Gerakan Team Kawalan Perdana di Unit Tindakan Khas(UTK) Bukit Aman. Beliau telah menceburi bidang keselamatan sejak usia remaja lagi iaitu selepas tamat persekolahan. Beliau mula berkecimpung dalam bidang keselamatan apabila mula bekerja sebagai polis bantuan felda di Felda Kemendur, Melaka. Temubual ini menumpukan beliau tentang pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang keselamatan. Peristiwa rusuhan di Lahad Datu mendapat perhatian dari pihak media masa.*

*Kata kunci: Tuan Rosmadi bin Ruslan, Unit Tindakan Khas, Lahad Datu, Polis DiRaja Malaysia.*

# **BIODATA TOKOH**

## **Biodata Tokoh**



**Nama : Rosmadi Bin Ruslan**

**Tarikh : 28 September 1960**  
**Lahir**

**Tempat : Segamat, Johor**  
**Lahir**

**Umur : 53 tahun**

**Nama ibu : Jamilah Binti Hj Husein**

**Nama Ayah : Ruslan Bin Sarman**

**Alamat : No. 2273, Jalan Permata 22 Taman Permata Kuala Lumpur**

- Pendidikan : • Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Medoi Segamat (1967-1972)  
• Sekolah Menengah Dato' Bentara Dalam Segamat (1973-1977)  
• Sekolah swasta di Felda Medoi (tingkatan 6)  
• Menjalani kursus asas PDRM di PULAPOL (23/11/1980)  
• Menjalani kursus asas peperangan di hutan (SLPGA)  
Sekolah Latihan Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta Perak  
(23/02/1981)
- Pencapaian : • Surat penghargaan daripada Perdana Menteri (1989 dan 1998)  
• Pingat Keberanian Terbilang Sultan Selangor (1997)  
• Surat penghargaan daripada Menteri Belia dan Sukan (1998)  
• Pingat Pangkuhan Negara Yang di-Pertuan Agong (1998)  
• Anugerah Pingat Cemerlang daripada KPN (1999)  
• Anugerah Maulidur Rasul peringkat kebangsaan daripada Yang di-Pertuan Agong tahun (2000)  
• Pingat KPN (2003)  
• Pingat Kesatria Pasukan Polis (2013)  
• Pernah menyandang jawatan setiausaha pemuda UMNO di Felda Medoi  
• Ahli jawatan kuasa Persatuan Belia Felda Medoi
- Sumbangan : • Pengiring kenamaan dan VVIP  
• Terlibat dengan operasi berprofil tinggi  
• Terlibat semasa operasi Eskom di Lahad Datu
- Hobi : Melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti masjid.

**Adik** : 11 orang adik beradik  
**beradik**

**Status** : Berkahwin

**Nama isteri** : Puan Khadijah binti Abdul Kadir

**Nama anak** : • Nur Amira Hazwani Binti Rosmadi  
• Nur Ain Syafiqah Binti Rosmadi  
• Nurul Yasmin Binti Rosmadi

**Pekerjaan** : Inspektor Gerakan Team Kawalan Perdana

**Jabatan** : Unit Tindakan Khas (UTK) Bukit Aman

# PENGENALAN

## Pengenalan

Tugasan projek ini dijalankan di bawah kursus IMR 604, *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Sistem) Maklumat telah ditugaskan untuk menjalani satu projek pendokumentasian sejarah lisan yang diadakan bersama dengan tokoh pilihan. Bagi memenuhi kriteria tokoh pilihan dalam kursus IMR 604 ini, tokoh tersebut mestilah berusia lebih kurang 50 tahun dan ke atas, mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya dan banyak sumbangannya terhadap pembangunan negara. Pengalaman yang banyak dan berguna dari seorang tokoh insan wajar dikongsi dan dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat. Ketokohnanya akan dibukukan dalam sebuah transkrip dari perbualan secara lisan bersama beliau.

Seorang tokoh telah kami pilih berdasarkan ketokohan dan pengalaman beliau yang sangat banyak dalam bidang keselamatan. Beliau ialah Tuan Rosmadi bin Ruslan. Beliau merupakan seorang insan yang telah banyak menyumbang dalam pembangunan Negara iaitu sebagai seorang polis. Beliau mula berkhidmat sebagai seorang polis keselamatan dengan bermula dari bawah, iaitu sebagai polis bantuan felda. Kesungguhan dan minat beliau dalam bidang keselamatan semakin terserlah apabila beliau mula melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti polis sehingga melayakkan beliau dinaikkan pangkat sehingga ke tahap terkini sebagai seorang Inspektor. Hari ini beliau merupakan seorang Inspektor Polis Diraja Malaysia di Unit Tindakan Khas Bukit Aman. Jawatan yang disandang oleh beliau melayakkan beliau menguruskan dan memantau isu-isu berat yang berlaku dalam Negara Malaysia. Beliau selalu terlibat dalam pengawalan keselamatan bagi golongan kenamaan Negara, menyiasat kes-kes jenayah berat, dan mengetuai pasukan keselamatan yang dihantar untuk menjalankan tugas-tugas menyelamat.

Baru-baru ini rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan peristiwa pencerobohan oleh penganas-penganas Sulu ke dalam beberapa kawasan Sabah, terutamanya Lahad Datu. Peristiwa tersebut telah mengundang banyak spekulasi dan perhatian banyak pihak. Pencerobohan yang berlaku telah mengakibatkan banyak orang yang

tercedera, dan tidak kurang juga nyawa yang telah terkorban. Keadaan menjadi sangat tegang dan darurat apabila semakin banyak rakyat Malaysia dan anggota polis Negara kita yang terkorban. Oleh kerana maklumat yang disalurkan kepada masyarakat melalui beberapa medium teknologi yang ada, masih banyak pihak yang risau dan menimbulkan pertanyaan tentang keadaan sebenar yang telah berlaku di sana. Lain-lain tempat yang diceroboh oleh pengganas-pengganas Sulu termasuklah Semporna, Kampung Tanduo, Kampung Air, dan beberapa kawasan felda lain.

Tuan Rosmadi telah dihantar untuk bertugas di Lahad Datu untuk mengawal keadaan di sana. Di samping itu, menyelamatkan mangsa-mangsa peristiwa tersebut yang dapat diselamatkan. Penglibatan beliau dalam peristiwa tersebut telah menarik minat kami untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan peristiwa pencerobohan oleh pengganas-pengganas Sulu di Lahad Datu, Sabah. Pengalaman beliau ketika berada di sana adalah pengalaman yang sangat berguna untuk kami kongsikan dari sudut ketokohan, kepimpinan, pengorbanan, dan komitmen yang telah diberikan oleh beliau.

Sebuah sesi wawancara telah diadakan bersama Tuan Rosmadi oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan, di kampus cawangan Machang, Kelantan. Pelajar-pelajar tersebut bernama Farhah Amalina binti Mohd Hamal dan Noor Afiqah binti Bahari. Sesi wawancara telah diadakan di rumah beliau sendiri di Kuala Lumpur. Tepat pada jam 4.00 petang, sesi wawancara bermula dan berlangsung selama kira-kira dua jam. Wawancara telah tamat pada kira-kira jam 6.00 petang.

# **TRANSKRIP**

## **Transkrip**

### **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG.**

(sepanjang temu ramah kipas berbunyi dengan kuat)

**Farhah : Assalamualaikum Tuan.**

**Tuan : Waalaikumsalam warahmatullah.**

**Farhah : Saya bersama - saya Farhah Amalina Binti Mohd Hamal bersama dengan rakan saya Noor Afiqah Binti Bahari (berdehem) ingin menemu ramah Tuan (bunyi helaian kertas sedang di selak) untuk tugas kerja *IMR 604* iaitu [pendokumentasian sejarah lisan]. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat di Universiti Teknologi Mara kampus Machang, Kelantan (berdehem). Kami amat berbesar hati dapat menemu ramah Tuan kerana (berdehem) Tuan tentunya banyak menyumbang khidmat kepada pembangunan Negara sebagai seorang anggota polis (berdehem). Jadi, kami harap Tuan dapat berkongsi banyak kisah menarik pengalaman Tuan sebagai seorang anggota polis.**

**Tuan : *InsyaAllah* [dengan izin Allah].**

**Farhah : Mula-mula sekali kami ingin mengetahui serba sedikit latar belakang Tuan, apa nama penuh Tuan dan sebagainya.**

**Tuan : Nama saya Rosmadi Bin Ruslan (bunyi kertas sedang diselak). Saya dilahirkan pada *dua puluh lapan September seribu sembilan ratus enam puluh* [28/9/1960] di daerah Segamat. Anak keempat daripada sebelas**

orang adik beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Medoi Segamat pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh tujuh* [1967] sehingga tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh dua* [1972] kemudian saya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga*[1973] (bunyi alat perakam yang sedang di angkat) hingga ke *seribu sembilan ratus tujuh puluh tujuh* [1977] di Sekolah Menengah Dato' Bentara Dalam Segamat-dan saya mendapat kelulusan A dalam peperiksaan *SRP*[Sijil Rendah Pelajaran] dan mendapat pangkat kedua peringkat *SPM*[Sijil Penilaian Menengah] pada tahun 1978 saya melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di sek swasta Segamat. -Semasa dipersekolahan saya cenderung dengan kegiatan kurikulum yang bergiat aktif dalam badan-badan beruniform seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Kadet Polis. Saya juga bergiat cergas dalam seni kebudayaan dan sukan olahraga dan seni silat. Setelah tamat persekolahan saya menceburkan diri didalam arena politik dan menyandang jawatan setiausaha pemuda *UMNO* [United Malays National Organisation] di Felda Medoi dan juga ahli jawatan kuasa ahli Persatuan Belia Felda Medoi Segamat. Kemudian pada *dua puluh tiga November seribu sembilan ratus lapan puluh* [23 November 1980] saya memasuki *PDRM* [Polis Di Raja Malaysia] dan menjalani kursus asas *PDRM*[Polis Di Raja Malaysia] selama tiga bulan di *PULAPOL* [Pusat Latihan Polis] , kuala lumpur kemudian pada *dua puluh tiga Februari seribu sembilan ratus lapan puluh satu* [23 Februari 1981] menjalani kursus asas peperangan dihutan di *SLPGA* [Sekolah Latihan Pasukan

Gerakan Am ] Ulu Kinta sekolah latihan Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta Perak pada masa itu dikenali sebagai pasukan polis hutan iaitu *PPH* [Pasukan Polis Hutan] sekarang dah tukar dah pasukan *PGA* [Pasukan Gerakan Am] tu pasukan gerakan am selama tiga bulan dan berakhir pada *tiga puluh Mei seribu sembilan ratus lapan puluh satu* [30 Mei 1981]. Pada Jun *seribu sembilan ratus lapan puluh satu* [1981] saya telah diterapkan ke dalam polis hutan Ipoh, Perak sebagai anggota *infantry* [askar] dan disahkan dalam jawatan *PDRM* [Polis Di Raja Malaysia] pada *dua belas Mei seribu sembilan ratus lapan puluh tiga* [12 Mei 1983] di *PULAPOL* [Pusat Latihan Polis] Kuala Lumpur. Penglibatan saya selama enam tahun dipasukan polis hutan mendedahkan saya dengan gerakan-gerakan yang mencabar dan bagi mengawal penyeludupan dikawasan sempadan dan ancaman komunis dihutan dan dibandar.

**Farhah :** *Okay [Baiklah], sebelum kita tahu lebih banyak lagi pengalaman kerja Tuan sebagai seorang anggota polis, boleh ke kalau saya tanya ketika Tuan semasa diawal lah semasa masih kecil apakah hobi Tuan semasa dimasa lapang dan bersama siapa biasanya Tuan meluangkan hobi ini, boleh Tuan kongsikan?*

**Tuan :** Masa kecil biasanya masa-masa lapang *tu* [itu] saya lebih kepada mendekatkan diri di- cenderung kepada aktiviti masjid lah, (bunyi kucing) berjemaah kemudian aktiviti-aktiviti semasa kecil pastu [selepas itu] saya bergiat dalam Persatuan Bulan Sabit Merah, persatuan belia, persatuan politik dan sebagainya dan selain itu juga, macam

budak-budak kecil *ni[ini]* biasanya main permainan bola sepak, hoki kan itu biasalah.

**Farhah** : Jadi memang dah aktif dari kecil lagi ya?

Tuan : Dari kecil tu memang dah sentiasa ikut macam mana perkembangan budak-budak lain juga la.

**Farhah** : Jadi sekarang ni berapa ya umur Tuan sekarang?

Tuan : Umur saya sekarang dah *lima puluh tiga* [53] tahun.

**Farhah** : (berdehem) Boleh kami tahu nama penuh ibu dan ayah Tuan sekarang?

Tuan : Nama ibu saya Jamilah binti Hj Husein dan dia telah meninggal dunia pada *dua ribu* [2000] - pada tahun *dua ribu lima* [2005], dan nama ayah saya Ruslan bin Sarman sekarang masih ada lagi lah.

**Farhah** : Dimana ayah Tuan berada?

Tuan : Dia berada di masih tinggal di Felda Medoi Segamat Johor.

**Farhah** : Sedara mara semua ramai berada di Segamat ke?

Tuan : Sedara mara banyaknya berada di yang asalnya berada di Segamat Johorlah melainkan yang anak-anak mereka *tu* [itu] yang berada diseluruh Malaysia lah.

**Farhah** : Dimana Tuan menetap sekarang?

Tuan : Sekarang saya menetap di nombor *dua ribu dua ratus tujuh puluh tiga* [2273], Jalan Permata *dua puluh dua* [22], Taman Permata Kuala Lumpur.

**Farhah :** Bersama siapa ya Tuan menetap sekarang?

Tuan : Saya menetap sekarang bersama dengan isteri dan anak-anak saya lah. Anak-anak saya pun yang ada yang masih ada lagi duduk di Taman Permata sekarang Nurul Yasmin sekarang masih tingkatan lima- yang dua lagi *tu*[itu] Nur Amira Hazwani dia masih menuntut di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Bandaraya Melaka dan satu lagi Nur Ain Syafiqah *dua puluh* [20] tahun di *UiTM*[Universiti Teknologi Mara] Puncak Perdana Shah Alam.

**Farhah :** Jadi Tuan ada tiga orang anak perempuan semuanya. Jadi yang masih tinggal dengan Tuan seorang *jela* [sahajalah] lagi?

Tuan : [bunyi alat perakam] Ya seorang *je* [sahaja] lagi Nurul Yasmin.

**Farhah :** *Okay* [Baiklah], ketika Tuan baru melibatkan diri dalam bidang polis apakah pekerjaan ibu bapa Tuan ketika itu? (bunyi helaian kertas yang sedang diselak)

Tuan : Pekerjaan ibu bapa saya adalah sebagai peneroka rancangan Felda Medoi Segamat Johor dimana dia mengusahakan ladang getah lah, menoreh getah lah dua-dua sekali ibu dan bapa saya. (bunyi helaian kertas yang sedang diselak)

**Farhah** : Oh, ibu dan bapa penoreh ya (bunyi helaian kertas yang sedang diselak). Sebelum Tuan berkahwin dimanakah tempat tinggal Tuan?

**Tuan** : Saya telah tinggal sebelum berkahwin selepas saya umur *lapan belas* [18] tahun saya merantau ke Melaka. Melaka- bekerja di Melaka di Felda Kemendur, kemudian saya pindah ke Felda Hutan Perca, kemudian saya berpindah ke Felda Machap, atau pun Bukit Bulat di Melaka juga, dan seterusnya iaitu saya bekerja sebagai - ataupun polis bantuan felda.

**Farhah** : Polis bantuan- bantuan felda ya?

**Tuan** : Ya, saya bekerja mungkin dalam setahun lebih ke dua tahun selepas itu saya memohon polis pada tahun *lapan puluh* [80] dan saya terus *training* [latihan] di Kuala Lumpur di *PULAPOL* [Pusat Latihan Polis] Kuala Lumpur lepas itu selesai itu saya terus *training* [latihan] Pasukan Polis Hutan lepas itu saya ditukarkan ke Ipoh Perak Batolion Tiga selama enam tahun saya duduk di Ipoh Perak (bunyi helaian kertas yang sedang diselak). Selepas itu saya menyertai pasukan Unit Tindak Khas, UTK pada *dua puluh Ogos sembilan belas lapan puluh enam* [20 Ogos 1986] dan saya mendapat latihan di Ipoh Perak dan kemudian saya diserapkan ke UTK [Unit Tindak Khas] pada *satu Disember sembilan belas lapan puluh enam* [1 Disember 1986] di Kuala Lumpur (bunyi helaian kertas yang sedang diselak). Saya terus daftar di Kuala Lumpur bertugas sebagai Unit Tindak Khas sehingga lah sekarang.

**Farhah** : Jadi berbalik semula kepada sebelum Tuan memohon untuk jadi polis *tu* [itu], sebelum *tu* [itu] Tuan bekerja sebagai apa eh selain dari polis bantuan felda?

**Tuan** : Sebelum *tu* [itu] saya bertugas sebagai unit apa *ni* [ini] polis bantuan *tu* [itu], *pastu* [selepas itu] saya masuk polis. Saya *tak* [tak] ada mengganggur atau melakukan tugas-tugas lain, *tak* [tidak] ada.

**Farhah** : Oh, memang awal-awal *tu* [itu] memang *dah* [sudah] jadi *dah* [sudah] jadi polis bantuan.

**Tuan** : Pastu masa di sekolah pun saya pun bergiat cerdas dalam kadet polis juga, mungkin ekoran daripada itu saya ada pengalaman sikit untuk jadi polis dan mungkin ditakdirkan untuk menjadi polis kan.

**Farhah** : *Okay* [Baiklah] tadi Tuan ada bagi tahu Tuan anak yang keempat ya kalau saya *tak* [tidak] silap jadi boleh Tuan cerita kan lebih lanjut adik beradik Tuan yang lain berada dimana sekarang dan mereka bekerja sebagai apa?

**Tuan** : *Okay* [Baiklah] adik beradik saya ada sembilan orang. Yang pertama sekali adalah abang saya *laki-laki* [lelaki] Rosman Bin Ruslan. Dia hasil dari ayah saya dan ibu, dan lain ibu lah. Dia sekarang bekerja sebagai peneroka juga di Pahang. Yang kedua apa ni, Rosli Bin Ruslan. Dia bekerja, dia sekarang dah pencer sebagai polis bantuan juga lah polis bantuan felda, sekarang ni dia tidak bekerja lah, dia pencer lah. Yang ketiga Rosnah Binti Roslan dia kakak saya. Dia sekarang pun bekerja di kedai jahit di Segamat, Johor. Yang keempat saya lah. Yang kelima

adik perempuan saya Rosiah Binti Roslan. Dia sekarang bermiaga di Felda di Lepar, Pahang. Dia bermiaga dan sudah berumahtangga. Yang kelima Rosni. Rosni *ni* [ini] dia berada di Johor Bahru meniaga, bermiaga kedai runcit juga sudah berkahwin. Yang keenam Rosita. Rosita *ni* [ini] dia sekarang sedang berkeluarga, *dah* [sudah] ikut suami dia sebagai tentera di Kulai Johor, Kluang Johor. Seterusnya adik lelaki saya Roskamal, sekarang dia bekerja di *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] di Cheras. Dia sebagai apa nilah, sebagai pembawa ambulan lah. *Lepas tu* [selepas itu], seterusnya *tu* [itu] adik perempuan saya, Roslina. Roslina berada di Lumut ikut suami dia sebagai anggota tentera juga. Yang keenam Rosnim. Rosnim sekarang dia membantu bapa saya lah di Felda Medoi Segamat sebagai peneroka. Yang keenam eh yang akhir sekali Mohd Yusri. Dia sekarang ni sebagai anggota tentera di Kulai, Kluang Johor. Jadi ada sebelas semua sekali sebelas.

**Farhah** : Ada sebelas adik beradik ya.

Tuan : Ya sebelas adik beradik.

**Farhah** : Jadi semuanya sudah berkahwin?

Tuan : Sorang eh, semua sudah berkahwin.

**Farhah** : Jadi kita tahu Tuan sekarang merupakan anggota polis dan dari awal pun (bunyi kunci pintu pagar) memang *dah* [sudah] bekerja sebagai polis sewaktu Tuan kecil apa cita-cita Tuan sebenarnya.  
Ada cita-cita selain polis ke, ke memang nak jadi polis?

**Tuan** : Cita-cita saya dulu saya nk jadi seorang- senang cerita dulu-dulu ustazlah.

**Farhah** : **Ustaz, okay [baiklah].**

**Tuan** : Tapi saya ya lah dulu saya ke situ jadinya kan. Tapi nak buat macam mana jodoh Allah tentukan *tu* [itu] saya memang kena jadi polis. Jadi saya pun jadi polislah. Tapi dulu saya ingat saya nak jd ustaz *aja* [saja]. Mungkin kalau kampung, ustazlah kan, kalau tinggi pelajaran *tu* [itu] lagi tinggi la. Itula cita-cita saya dulu.

**Farhah** : **Cita-cita dulu nak jadi seorang ustaz ya.**

**Tuan** : *Aah* [ya].

**Farhah** : **Apakah pengalaman manis Tuan waktu zaman persekolahan? Ada pengalaman manis sewaktu zaman sekolah ke?**

**Tuan** : Pengalaman manis dari segi macam mana tu? Dari segi---

**Farhah** : **Mungkin dari---**

**Tuan** : Sekolah ke? Pelajaran dan pembelajaran ke?

**Farhah** : Dalam pelajaran ke- dalam aktiviti ke--- Mungkin terpilih untuk jadi ustaz ke mana-mana ke?- macam tu.

**Tuan** : Tak adalah, cuma yang pengalaman manis masa saya banyak terlibat dalam apa aktiviti-aktiviti *ni* [ini] lah dalam kebudayaan, aktiviti-aktiviti persatuan Bulan Sabit Merah dan banyaklah Persatuan Kadet Polis boleh pergi ke mana-mana buat apa nama, buat lawatan-lawatan sambil belajar *an* [kan], lawatan sambil pertukaran-pertukaran kadet poliskan. *Pastu* (selepas itu) kebudayaan bergiat cerdas dalam apa seni budaya *an* [kan], seni suara dan sebagainya lah. Jadi itulah kenangan manis sewaktu kursus-kursus semua *tu* [itu] kan (bunyi helaian kertas yang sedang diselak).

**Farhah** : Dan sepanjang kita membesar dalam alam sekolah mesti ada susah payah nak melalui zaman persekolahan *tu* [itu] kan. Jadi ada *tak* [tidak] pengalaman pahit pula masa zaman persekolahan Tuan?

**Tuan** : Ya, pengalaman yang paling pahit saya *tak* [tidak] boleh lupa ialah kesusahan apabila untuk belajar *tu* [itu] kan, apabila kita perlukan membeli buku-buku kan, tapi keluarga tidak mampu untuk membayainya kan. Lepas *tu* [itu] minta bantuan daripada biasiswa ke, daripada pelajaran sekolah kan, (bunyi alat penggera kereta) pun *dia orang* [mereka] *tak* [tidak] bagi. *Tu* [itu] yang menyebabkan satu kekecewaan *tu* [itu] lah, sebab masa *tu* [itu] memang miskin kan, dan adik beradik ramai tapi biasiswa *tak* [tidak] dapat, buku- buku-buku pelajaran pun *tak* [tidak] dapat.

**Farhah** : Jadi macam mana ya?

**Tuan** : Buku-buku teks pun dia *tak* [tidak] bagi pinjam. Sebab mungkin ada orang menganggap bahawa felda masa *tu* [itu] orang banyak duit lah kan. Ingat felda *tu* [itu] ya lah mungkin orang kalau yang *tak* [tidak] anak ramai *tu* [itu] mungkin dia ada duit masa *tu* masa kat felda kan. Felda memang dulu (bunyi kunci) terkenal dengan orang yang ni kan--- Tapi saya *tak* [tidak] dapat bantuan, *tak* [tidak] dapat buku-buku pun tak [tidak] dapat, apa lagi biasiswa *tu* [itu] yang sempit nak belajar *tu* [itu] sempit. Saya *tak* [tidak] dapat sampai ke universiti. Saya dapat sampai tingkatan enam *je* [sahaja]. Sebab nak beli buku-buku pun *tak* [tidak] mampu. Ha *tulah* [itulah] saya punya yang paling kecewalah.

**Farhah** : Jadi dari kesusahan Tuan nak belajar nak dapatkan bahan nak belajar *tu* [itu], macam mana eh Tuan hadapi keadaan itu? (bunyi deruman enjin kenderaan) Mungkin meminjam dengan kawan-kawan ke atau macam mana?

Tuan : Saya terpaksa pinjamlah buku-buku, mana-mana orang yang lepasan saya *tu* [itu] kan (telefon berbunyi) yang lepas sekolah saya pinjam buku-buku dia, ah apa *tu*[itu] peralatan-peralatan, buku-buku tulis dan sebagainya terpaksa saya tolonglah ibu bapak lah menoreh getah (bunyi alat penggera kereta) dan sebagainya kan. *Pas tu* [selepas itu] apa nama kita jual getah ke untuk dapat tambahan-tambahan wang untuk beli apa-apa buku dan peralatan *tu* [itu] lah buat, jual-jual--- Saya jual air batu, jual ais krim (bunyi deruman enjin kenderaan), jual apa cendol kan, jual apa masa kecil-kecil dulu saya jual alat-alat permainan untuk budak-budak apa semua macam-macam saya usaha untuk dapatkan wang untuk menyara persekolahan saya lah.

Farhah : *Okay* [Baiklah] jadi, bila Tuan dah tamat persekolahan macam Tuan cakap tadi Tuan *tak* [tidak] dapat menyambung ke universiti ya? (bunyi helaian kertas sedang diselak) Jadi terus masuk kolej ke, ke latihan mana-mana ke PULAPOL [Pusat Latihan Polis] ke macam mana- untuk jadi polis *tu* [itu], selepas di tingkatan enam?

Tuan : Di *PULAPOL* [Pusat Latihan Polis] dulu bila kita *dah* [sudah] minta polis *pas tu* [selepas itu] dapat jadi, jadi polis tanggung lah semua sekali untuk belajar apa nama ni, untuk sambung apa kursus apa nama ni kan-- jadi *tak* [tidak] ada masalah la yang *tu* [itu] semua pengalaman dalam masa *training* [latihan] lah agak mencabar lah dengan kita *tak* [tidak] biasa dengan keadaan *training*[latihan] yang keras yang panas, yang masa terlalu apa terlalu suntuk kemudian dengan jurulatih-jurulatihnya yang keras-keras, yang garang, *tu* [itu] yang jadi berlaku kejutan sikit la

pada diri saya lah. Latihan polis memang disiplinnya yang berkawad dan sebagainya dan latihan senjata dan sebagainya. (bunyi deruman enjin kenderaan)

**Farhah** : **Jadi nak berbalik semula kepada zaman bujang Tuan ya, bilakah Tuan menamatkan zaman bujang?**

Tuan : Zaman bujang saya kira lewat sikit *jugakla* [jugalah] sebab saya *target* [sasaran] pada umur *dua puluh lima* [25] tahun untuk berumah tangga tapi oleh kerana- mungkin saya putus cinta dulu jadi saya terpaksa mencari lagi maknanya masa *tu* [itu] bertambah *lagila* [lagilah] sampai umur lewat sikitla baru dapat. Pada tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] saya ditemukan jodoh dengan isteri saya lah sekarang ni, (bunyi helaian kertas sedang diselak) Puan Khadijah binti Abdul Kadir sehingga sekarang.

**Farhah** : **Jadi berapakah usia perkahwinan Tuan dan isteri *tu* [itu] ya?**

Tuan : Masa *tu* [itu]?

**Farhah** : **Tidak, usia perkahwinan *tu* [itu] sampai sekarang *dah* [sudah] berapa lama?**

Tuan : Usia *dah* [sudah] lebih kurang *dua puluh dua* [22] tahunlah. *Aah* [ya] *dua puluh dua* [22] tahun.

**Farhah** : **Boleh kami tahu bagaimana perkenalan Tuan dan isteri.**

Tuan : Oh perkenalan saya macam sebenarnya ekoran daripada saya putus

cinta dengan seorang gadis di Melaka. Kemudian, mungkin kakak kepada apa *tu* [itu] kekasih saya *tu* [itu] perkenal kan dengan yang isteri saya *nilah* [inilah] kenal kan pada saya. Jadi saya pun sambutlah salam perkenalan *tu* [itu], (telefon berbunyi) lepas *tu* [itu] saya selidik-selidik apa semua kan--- (bunyi kertas sedang di selak). Lepas *tu* [itu] saya dapati saya berkenan, (bunyi laungan azan sedang berkumandang) tempoh *tak* [tidak] sampai setahun lebih kurang saya apa ni, saya terus tunang dan dalam tempoh beberapa bulan lepas *tu* [itu] saya terus melangsungkan perkahwinan.

**Farhah** : *Okay* [Baiklah], (berdehem) boleh Tuan ceritakan lebih lanjut latar belakang isteri Tuan?

Tuan : Isteri saya, dia- asal dia, dia merantau ikut ibu bapa dia. Dia punya, ibu dia asal daripada Muar Johor- bapa dia asalnya di Sarawak. Kemudian dia merantau ke Melaka, bapanya --- Jadi,dah jadi orang Melaka *pastu* [selepas itu] bapa dia sebagai pensyarah, kemudian dia terus merantau ke Seremban Negeri Sembilan, mungkin lepas *tu* [itu] bermastautin di Seremban Negeri Sembilan lah. Jadi isteri saya ni [ini] cita-citanya nak jadi guru *jugak* [juga] macam bapa dia, tapi mungkin dia dapat jodoh terlalu awal, jadi dia terus apa *nilah* [inilah], terus jadi suri rumahlah sampai sekarang.

**Farhah** : *Okay [Baiklah], jadi sebagai kita tahu eh, Tuan sebagai seorang anggota polis yang agak sibuk ya, banyak kerja tugas luar. Jadi, bagaimana Tuan meluangkan masa antara kerja dan juga keluarga, memandangkan Tuan sudah berkeluarga sekarang?*

**Tuan** : Sebenarnya apabila kita masuk mencebur i bidang polis *ni* [ini], kepolisian *ni* [ini] dia bertugas, polis sebenarnya bertugas dua puluh empat jam bermakna *tak* [tidak] kira masa dia tetap dalam keadaan bertugas- walaupun dalam keadaan cuti ke- atau pelepasan ke- apa lagi bekerja. Jadi sekarang *ni* [ini] saya *ambil* [ambil] meluangkan masa saya bersama keluarga sebenarnya atas sisa-sisa baki selepas bertugas. Bermakna tugas *tu* [itu] dah jadi nombor satu, habis tugas *tu* [itu] barulah saya luangkan masa untuk keluarga. Jadi saya luangkan masa bermakna maksud saya *takde* [tiada] pergi ke merata merata, *tak* [tidak] membuang masa ke tempat lainlah, terus pada keluarga atau pun teruskan pada aktiviti-aktiviti saya lah, aktiviti-aktiviti harian saya. Jadi saya luangkan masa apabila habis kerja *je* [sahaja] saya terus balik ke rumah.

**Farhah** : Jadi bila *dah* [sudah] penat-penat balik bekerja, masa yang tinggal *tu* [itu] adalah dengan keluarga. Jadi, adakah masa dengan keluarga *tu* [itu] *jugaklah* [jugalah] adalah waktu rehat Tuan atau macam mana?

**Tuan** : Masa dengan keluarga *tulah* [itulah] masa rehat saya dan masa saya bersama keluarga. Masa rehat kira diisi bersama keluarga *jugaklah* [jugalah], kan. Yang penting ada kat rumah bersama keluarga. Jadi---

**Farhah** : Jadi kebanyakannya agak-agaknya lah antara masa dengan keluarga dan masa dengan kerja tu [itu] lebih banyak masa kerja ke macam mana?

**Tuan** : Kalau dalam polis *ni* [ini] banyak masa bekerja lebih daripada keluarga lah. Jadi memang betul-betul polis *ni* [ini], *sape* [siapa] yang masuk polis *ni* [ini] memang berkorban lah untuk– untuk masyarakat. Kita terpaksa mengorbankan kepentingan diri kita, kepentingan keluarga kita semata-mata untuk masyarakat polis. Jadi itu memang, *sape* [siapa] yang masuk polis memang begitulah terpaksalah, kalau tidak dia memang– dia tidak bolehlah menjawai polislah (bunyi deruman enjin kenderaan). Dia kena berhenti awallah.

**Farhah** : Jadi Tuan memang dah bersedia daripada segi mental dan fizikal untuk jadi seorang polis?

**Tuan** : Saya terpaksa mempoliskan diri sayalah, maksud saya terpaksa ikut budaya polis. Ikut budaya polis- sesuai kan diri kita dalam apa- sebagai anggota polis.

**Farhah** : Jadi bagaimana *pulak* [pula] dengan penerimaan keluarga dan anak-anak semua, semua boleh terimalah dengan kesibukan kerja Tuan sebagai polis, mereka memang memahami ke macam mana?

**Tuan** : Biasalah manusia *ni* [ini], dia mula-mula *tak* [tidak] boleh terimalah kan, sebab keadaan *tak* [tidak] sama dengan orang awam *ni* [ini], orang awam *ni* [ini] dia bekerja pukul lapan pagi sampai pukul empat suku

atau empat setengah, balik ada masa. Dalam polis ni, dia--- saya cakap tadi bekerja *dua puluh empat* [24] jam. Walaupun kita dah balik dan boleh dipanggil balik. Jadi masa *tu* [itu], bergantung pada *ketidakbekerjalah* [dalam keadaan tidak bekerja]. Kalau tidak bekerja *tu* [itu], *tulah* [itulah] masa kita. Jadi mula-mula isteri dan anak-anak *tu* [itu] terasalah sebab selalu ditinggalkan apa semua kan. Tapi nak *tidak* [tidak] nak, suka *tidak* suka, dia kena terimalah walaupun dia memahami--- Kadang-kadang bila situasi yang genting *tu* [itu] kadang-kadang dia memahami tetapi- mungkin dia *tidak* boleh terima tapi dia terpaksa terima. Dia faham tapi dia *tidak* boleh terima sebab *sape-sape* [siapa-siapa] pun begitu kan. Sebab benda-benda--- contohnya dah janji kita nak pergi keluar ke tiba-tiba kena kerja sesiapa pun akan terasa kan. Tapi dia memahami, walaupun ada rasa *tidak* puas hati pun mesti adalah macam biasa lah sebagai manusia kan. Tapi dianggap sebagai pengorbananlah, pengorbanan sebagai ketua keluarga *an* [kan] daripada seorang anggota polis.

- Farhah :** *Jadi adakah Tuan mempunyai idola sebagai inspirasi pada Tuan sehingga berjaya ke tahap sekarang ni [ini], sebagai seorang inspektor. Tuan ada idola yang boleh dijadikan inspirasi?*
- Tuan :** Idola saya adalah pemimpin kalau yang sekaranglah selain dari Rasulullah S.A.W dan para sahabat, saya juga kalau di Negara kita- idola saya ialah Tun Dr Mahathir Mohamad sebab dia sebagai negarawan ulung jadi kita tengok dia, macam mana pandangan dia, pendapat dia, idea-idea *tu* [itu] adalah apa konsisten dan kita banggalah

dengan pendapat-pendapat dia. Walaupun dia mempunyai wawasan yang patut, kita boleh contohi dialah. Jadi apabila kita jadikan dia sebagai idola, kita menjadi menambahkan kita punya semangat untuk berhijrah atau untuk kita mendapatkan apa *tu* [itu] meningkat kan kita punya taraf hidup supaya walaupun dalam peringkat usia, kita boleh meningkatkan kita punya taraf hidup atau pangkat kita supaya dapat dicontohi anak-anak dan juga anak-anak buah saya.

**Farhah :** **Jadi, macam Tuan cakap tadi Tun Dr Mahathir adalah idola Tuan yang memberi banyak inspirasi- jadi sebagai seorang anggota polis tentu Tuan pernah berjumpa Tun Dr Mahathir atau macam mana pendapat Tuan bila— pandangan Tuan terhadap Tun Dr Mahathir itu sendiri secara berdepan, macam *tu* [itu]?**

**Tuan :** Saya memang terlibat secara langsung dengan Tun Dr Mahathir sebab sebagai ahli *UTK* [Unit Tindak Khas] ini, ditugaskan sebagai *escort* [pengiring] dia semua pemimpin, PM, Timbalan Perdana Menteri memang kita orang *escort* [pengiring] dia. Jadi memang selalu la jumpa dengan dia, selalu bersama dengan dia kemana sahaja dia pergi dan bertambah lah minat pada *attitude* [sifat] dia dan dengan cara dia bekerja.

**Farhah :** **Apakah pula prinsip yang Tuan pegang selama *ni* [ini] sebagai seorang polis dan *jugak* [juga] pada masa yang sama ketua keluarga prinsip Tuan macam mana *tuk* [untuk] menguruskan hidup yang kadang kita *tak* [tidak] tahu kan polis ni sibuk dia *tak***

**[tidak] tentu masa kan, jadi prinsip Tuan macam mana?**

Tuan : Saya punya prinsip mudah *aja* [sahaja] orang kata *the best among the best* [terbaik daripada yang terbaik]. (bunyi pintu tertutup) Maksud dia kita kena jadi yang terbaik daripada yang terbaik jadi untuk kita mendapatkan yang terbaik *tu* [itu] kita mesti bersungguh-sungguh untuk membuat sesuatu *tu* [itu] bermakna kita mesti buat lebih baik daripada orang lain baru jadi yang terbaik. Kita jadi kita mesti tonjolkan kelebihan-kelebihan kita *ni* [ini] supaya kita dilihat sebagai orang yang terbaiklah, bila kita sungguh-sungguh jadi yang terbaik baru kita dapat mencapai misi kita mendapat tempat yang pertama setiap apa pun, walau kita berusaha pun kita mesti nak buat yang terbaik. Itulah prinsip saya.

**Farhah :** Jadi, tadi Tuan *dah* [sudah] kongsikan siapa idola Tuan jadi siapa pula pendorong yang kuat, (bunyi kerusi makan yang di tarik) yang di anggap sebagai motivator kepada Tuan, mungkin dia banyak menyokong kerjaya Tuan selama ni ke? Ha, siapa orang *tu* [itu]?

Tuan : Yang banyak menyokong saya adalah isteri saya lah, isteri saya tu. Dia lah sebagai pendukung dan memberi galakan dan saya juga belajar dengan dia banyak, belajar dengan dia apa yang saya kurang dia ada, jadi saya *tak* [tidak] malu belajar dengan dia. Jadi saya tidak kata orang apa malu nak belajar dengan *sapa-sapa* [siapa-siapa] (telefon berbunyi) yang lebih pandai daripada kita. Dia pendorong utama dan juga anak-anak saya jugalah dan kawan pun ada juga lah. Tapi pendorong utama

adalah isteri sayalah.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## BAHAGIAN B: PENGALAMAN KERJA.

Farhah : Jadi boleh saya tahu apa jawatan yang Tuan sandang pada ketika ini?

Tuan : Jawatan saya ialah inspektor polis atau pun pegawai polis dimana saya dalam carta organisasi saya sebagai Inspektor Gerakan Team Kawalan Perdana. Kita ada banyak team kan. Jadi saya sebagai kawalan perdana *tu* [itu] saya pengawai gerakanlah.

Farhah : Jadi sebagai inspektor gerakan *dah* [sudah] berapa lama Tuan berkecimpung dalam bidang *tu* [itu]?

Tuan : Dalam pegawai gerakan *tu* [itu] saya dah tujuh tahun lebihlah sebagai pegawai gerakan sebelum *tu* [itu] saya bermula daripada bawah. Saya bermula daripada konstabel naik kepada pemangku koperal kemudian saya naik ke koperal, ke sarjan lepas *tu* [itu] dinaik kan pangkat kepada sarjan mejar lepas sarjan mejar *tu* [itu] saya mohon pegawai. Pada *dua ribu enam* [2006] saya dapat pegawai inspektor sehingga sekaranglah.

Farhah : Jadi dari satu pangkat ke satu pangkat *tu* [itu] makan masa yang lama ya, jadi berapa lama *tu* [itu] dari awal hingga ke sekarang *ni* [ini] makan masa berapa lama (telefon berbunyi) untuk Tuan naik pangkat hingga ke sekarang *ni*.

Tuan : Saya sekarang *dah* [sudah] bersama *PDRM* [Polis Diraja Malaysia] dalam *tiga puluh dua* [32] tahun (bunyi helaian kertas yang sedang diselak) bermakna dalam masa *dua ribu enam* [2006] saya dilantik sebagai pegawai. Bermakna dalam tempoh *tiga puluh dua* [32] tahun *tu*

[itu] lah.

**Farhah** : Tadi Tuan cakap, Tuan berkhidmat di Unit Tindakan khas di Bukit Aman ya, (telefon berbunyi) yang disitu pula berapa lama?

**Tuan** : Di Unit Tindakan Khas saya bermula daripada *sembilan belas lapan puluh enam* [1986] sehingga sekaranglah *dua ribu tiga belas* [2013], bermakna saya dah hampir *dua puluh tujuh* [27] tahun lah saya dalam Unit Tindakan Khas. (bunyi hujan turun dengan lebat) Yang dalam saya dah enam tahun, selebihnya dalam Unit Tindakan Khas.

**Farhah** : Okay [Baiklah], jadi sepanjang Tuan berkhidmat di Unit UTK *tu* [itu] tugas apakah yang Tuan terlibat secara langsung?

**Tuan** : Dalam Unit Tindak Khas *ni* [ini] mempunyai berbagai-bagai tugas. Tugasan disamping kita mengambil tindakan yang perlu terhadap kejadian keganasan antarabangsa yang melibatkan kepentingan kerajaan ataupun kerajaan asing kemudian disamping itu juga membanteras kejadian keganasan gerila di bandar yang dipengaruhi oleh organisasi komunis\_ dan pelampau. Seterusnya menangani jenayah terancang yang melibatkan penggunaan senjata api, keganasan atau pun penawanan seterusnya memberi perlindungan keselamatan ke atas orang kenamaan tempatan atau pun asing yang berisiko tinggi, ini yang *escort* [pengiring] *ni* [ini]. (telefon berbunyi) Lepas *tu* [itu], seterusnya melaksanakan lain-lain tugas polis dimana penglibatan *UTK* [Unit Tindakan Khas] dianggap perlu oleh ketua polis negara. Jadi tugas-tugas sebagai Unit Tindakan Khas *ni* [ini], (bunyi helaian kertas yang

sedang diselak) dia bukan setakat *escort* [pengiring] orang kenamaan, tapi ia juga terlibat dengan operasi-operasi contohnya macam penculikan terpaksa menyelamatkan tebusan, apabila berlaku rompakan-rompakan yang menggunakan senjata api. Kita terpaksa juga menangani perompak-perompak *tu* [itu] kan begitu juga jika ada berlaku penawanan-penawanan bangunan atau pun penawanan-penawanan kapal terbang kan.

**Farhah :** Jadi sewaktu Tuan berhadapan dengan perompak-perompak yang bersenjata api *tu* [itu], pernah tak ada pengalaman tercedera dan dicederakan semasa menghadapi keadaan-keadaan genting macam *tu* [itu]?

**Tuan :** Alhamdulillah semasa saya buat tugas operasi sepanjang tugas saya dalam unit alhamdulillah saya tidak adalah berlaku kecederaan yang teruk-teruk lah, tapi kawan-kawan saya adalah dulu yang kena tembak, yang kena tetak kan, yang cedera yang apa *ni* [ini] belum ada yang meninggal dunia lah buat masa *ni* [ini] dan setakat ni.

**Farhah :** Dari pada info yang saya dapat Tuan merupakan pengiring orang-orang kenamaan seperti menteri dan golongan *VVIP* [very very important person], boleh Tuan jelaskan skop tugas semasa mengendalikan orang kenamaan tersebut?

**Tuan :** *Okay* [Baiklah], untuk *escort* [pengiring] orang kenamaan ni biasanya kita ditentukan oleh cawangan khas, yang tentukan *VIP-VIP* [very important person] mana yang kita kawal. Biasanya kalau Unit Tindakan

Khas ni diberi tugas untuk orang-orang kenamaan yang tertinggi lah untuk dia Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri yang berisiko tinggi Sultan-Sultan, Agong dan jugak kalau ada Perdana Menteri , Presiden daripada luar negara datang. *UTK* [Unit Tindakan Khas] dikehendaki *escort* [pengiring] dia, begitu juga dengan mantan-mantan semua kan atau pun juga penjenayah-penjenayah yang berisiko tinggi yang dia punya kepentingan *tu* [itu] boleh menjelaskan Negara apabila tidak di tawan jadi diserahkan juga kepada Unit Tindakan Khas untuk mengawalnya lah (bunyi pinggan berlaga). Jadi skop *UTK* [Unit Tindakan Khas] *ni* [ini] terlibat dengan kes yang besar-besar lah, VIP yang *very-very important* [sangat penting] bermakna yang apa nama pendek kata yang *tu* [itu] nombor satu dan nombor dua *tu* [itu] lah. Bermakna antara *top* [teratas] sepuluhlah yang kami ambil.

- Farhah** : **Jadi sebagai pengiring orang kenamaan ya, apakah risiko-risiko yang Tuan hadapi semasa bertugas *tu* [itu]?**
- Tuan : Banyak risiko-risiko yang mungkin, yang akan dihadapi oleh Unit Tindak Khas semasa menjalankan tugas contoh dia, biasanya penjenayah-penjenayah akan *attack* [ancam] orang-orang kenamaan. Jadi sudah pasti lah *attack* [ancam] orang-orang kenamaan *UTK* [Unit Tindakan Khas] bertindak akan menghalang daripada berlakunya serangan atau pun serangan-serangan yang akan berlakunya kecederaan atau pun kematian pada orang-orang anggota Unit Tindak Khas atau pegawai kan. Jadi lepas *tu* [itu] kemungkinan ada risiko kemalangan, banyak berlaku kemalangan sebab *UTK* [Unit Tindakan Khas] *ni* [ini]

kan bawak moto besar kan, CC tinggi berkuasa tinggi jadi banyak yang telah *accident* [kemalangan] disebabkan oleh benda-benda *tu* [itu] (telefon berbunyi) malang tidak berbau kan. Kemalangan kenderaan ataupun jika berlaku serangan-serangan atau pun serangan yang berupa yang memalukan kan ke, serangan yang berupa kecederaan dan sebagainya.

**Farhah :** Jadi adakah tugas pengiring sebagai orang kenamaan *ni* [ini] juga merangkumi golongan keselamatan kenamaan atau dia melibatkan ahli keluarga orang kenamaan ke?

**Tuan :** Dia kalau *escort* [pengiring] orang kenamaan, dia merangkumi keselamatan golongan *VIP* [very important person] *tu* [itu], keselamatan keluarga dia, keselamatan semasa dia menjalankan tugas perjalanan dia, dia mesti adalah *dua puluh empat* [24] jam dikawal. Bermakna dia pergi kerja kita kawal, di *office* [pejabat] kita kawal, perjalanan kita kawal, dia balik *office* [pejabat] kita kawal di rumah pun kena kawal juga kira *dua puluh empat* [24] jam lah kita kawal. Jadi merangkumi segalanyaalah keselamatan dari segi serangan-serangan yang memalukan, kecederaan serangan-serangan dalam bentuk mental dan fizikal dan sebagainyaalah, kita kena elakkan.

**Farhah :** Okay [Baiklah] sepanjang jadi pengiring *tu* [itu] apakah pengalaman yang boleh Tuan kongsi kan pada kami, mungkin keadaan yang berbahaya ke sebab mengiring orang kenamaan *ni* [ini] mungkin ya lah macam tadi kan banyak risiko, jadi

**pengalaman Tuan setakat ini dah berapa lama mengendalikan tugas tu [itu].**

Tuan : Okay [Baiklah], sepanjang saya mengiringi orang-orang kenamaan *ni* [ini] kan, (bunyi helaian kertas yang sedang diselak) Alhamdulillah lah tak ada lah perkara-perkara yang serangan-serangan fizikal *tu* [itu] berlaku tetapi dia lebih kepada apa orang kata persiapan-persiapan apabila berlakunya ugutan-ugutan atau pun info yang mengatakan yang dia *ni* [ini] *nak* [hendak] kena bunuh, dia *nak* [hendak] kena di cederakan ke serangan-serangan yang memalukan. Biasanya kita terima maklumat-maklumat yang *tu* [itu] kita terpaksa *neutralize* [menapis] kan atau pun kita terpaksa halang atau kita cuba untuk selesaikan sebelum VIP [veru important person] *tu* [itu] sampai atau sebelum VIP [very important person] *tu* [itu] bergerak, kita dah *clear* [bersihkan] kan dulu kawasan-kawasan supaya maklumat-maklumat *tu* [itu] tidak terjadi masa lawatan *tu* [itu]. Buat masa sekarang tak ada lagi serangan-serangan yang memalukan. Cuma serangan-serangan fizikal buat masa sekarang Alhamdulillah dapat di atasi lah.

**Farhah : Jadi selain daripada tugas mengiring *tu* [itu] ya adakah Unit UTK [Unit Tindakan Khas] juga mengendalikan jenayah berprofil tinggi?**

Tuan : Memang UTK [Unit Tindakan Khas] memang selain daripada tugas-tugas *escort* [pengiring] dia juga sebagai menjalankan operasi-operasi yang juga berprofil tinggi kan terutama dalam menyelamatkan tebusan melibatkan operasi yang melibatkan rompakan-rompakan yang

menggunakan senjata api contohnya macam menyelamatkan tebusan di Penjara Pudu, Penjara Kuantan, peristiwa \_ itu semua satu operasi yang besar-besar lah yang berlaku dalam negara kita.

**Farhah** : Jadi adakah susah atau rumit bagi Tuan dalam mengendalikan kes-kes jenayah tersebut?

Tuan : Memang sukarlah operasi-operasi yang melibatkan kes-kes yang besar-besar *ni* [ini] memang agak sulit, memang agak rumit dan memerlukan perancangan yang rapi lah. Rancangan kita terpaksa buat tinjauan, kita terpaksa mengekori, kita terpaksa buat *ISO* [International Organization for Standardization] atau *equivalent* [persamaan] (bunyi helaian kertas yang sedang diselak) kita nak tahu penjenayah tu [itu], lepas *tu* [itu] kita kena buat kita kena rancang dan *plan* [rancang], kita kena buat macam mana kita nak penyerapan (bunyi kerusi makan di tarik) dan buat serbuan dan buat taklimat lepas *tu* [itu] baru kita melakukan serbuan *tu* [itu]. Sama ada serbuan rumah atau kenderaan, kapal atau pun laut atau kapal terbang ke. Jadi semua tu agak rumit lah *tak* [tidak] ada operasi yang mudah pasal dia melibatkan kita mungkin akan berlaku kecederaan atau pun kematian, memang *tak* [tidak] ada yang mudah semua sukar.

**Farhah** : Jadi pada pandangan Tuan sendiri adakah Tuan selesa menjalankan pekerjaan yang\_ pekerjaan Tuan pada ketika ini?

Tuan : (bunyi helaian kertas yang sedang diselak) Kalau ditanya pasal selesa *ni* [ini] memang *tak* [tidak] selesalah sebab penugasan ini melibatkan

nyawa, bila melibatkan nyawa ni [ini] kita kena sentiasa *alert* [berhati-hati] atau pun sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan jenayah akan berlaku atau operasi akan berlaku, jadi bila kita tengah tidur pun, tengah berehat pun kita kena sentiasa siap sedia bila-bila masa untuk di panggil. *Tak* [tidak] kira pukul berapa pagi, *tak* [tidak] kira hujan atau panas ke, *tak* [tidak] kira kita ada masalah keluarga ke masalah apa pun jika kita di panggil datang *office* [pejabat] dan buat tugas yang di arahkan, itulah pengorbanan yang paling besar lah.

TAMAT BAHAGIAN B

### BAHAGIAN C: PENGALAMAN BERTUGAS DI LAHAD DATU, SABAH.

**Farhah** : Jadi baru-baru *ni* [ini] negara kita di kejutkan ya dengan serangan dari orang Sulu, jadi adakah Tuan berada di sana ketika perkara tersebut berlaku?

Tuan : *Okay* [Baiklah] masa serangan, bukan pencerobohan dari tentera-tentera Sulu yang nak menuntut tanah air mereka yang menganggap Sabah adalah tanah air mereka dulu jadi dia tidak boleh terima dengan kehendak rakyat Sabah, rakyat Malaysia yang menyatakan Sabah sebahagian daripada negara Malaysia. Jadi dia melancarkan, dia nak amil baliklah Sabah. Jadi pada awalnya kerajaan Malaysia memang telah membuat perundingan untuk *settle* [selesai] kan masalah *ni* [ini], oleh kerana semasa perundingan itu telah berlaku tembakan daripada tentera Sulu dan pengorbankan anggota Polis Diraja Malaysia, jadi disebabkan itulah terjadinya konflik. Masa *tu* [itu] saya belum pergi ke sana lagi tapi rakan-rakan saya pernah pergi sanalah dan mereka pernah berjaya menagkap, membunuh dan mengusir tentera-tentera Sulu *tu* [itu]. Alhamdulillah lah buat masa sekarang *ni* [ini], kira dapat dikawallah.

**Farhah** : Jadi, tadi Tuan kata ada yang tertembak ya, jadi berapa ramai agaknya anggota polis yang tertembak disana?

Tuan : Saya *tak* [tidak] dapat memberi jumlah yang sebenarnya. Saya *tak* [tidak] ingatlah tapi saya tahu yang mula-mula sekali dua orang terkorban daripada anggota polis Komander enam puluh Sembilan, selepas itu ada enam orang lagi yang anggota polis yang terkorban masa

membuat operasi di Kampung Air Simunul (telefon berbunyi) *pastu* [selepas itu] yang anggota tentera pun ada *jugak* [juga] yang terkorban. Jadi saya *tak* [tidak] dapat sebut berapa jumlah keseluruhannya, tapi sebahagian besar itulah yang saya dapat sebut. Yang kecederaan pun banyak *jugak* [juga] yang di alami oleh anggota polis tapi Alhamdulillah-lah dari Unit Tindakan Khas Cuma kecederaan tangan dan kaki. Di mana tangan tu [itu], siku pecah *pastu* [selepas itu] kaki ibu jari itu retak tapi *tak* [tidak] ada yang terkorban lah. Alhamdulillah.

- Farhah** : **Jadi tadi Tuan cakap diawal peristiwa itu Tuan belum ada di sana ya, jadi pada waktu bila *tu* [itu] Tuan di hantar untuk bertugas ke sana?**
- Tuan** : Saya telah di hantar selepas - lebih kurang dua bulan selepas kejadian *tu* [itu]. Saya telah di hantar ke sana iaitu ekoran daripada (bunyi kucing) (suara isteri kepada Tuan Rosmadi) penubuhan Eskom di mana di tubuhkan satu zon keselamatan di perairan Sabah yang meliputi Semporna, Kunak, Sandakan, Tawau dan sebagainya. Jadi sekarang *ni* [ini] dah tiap-tiap Unit Tindakan Khas, Komander enam puluh Sembilan, *PDA* [Pasukan Gerakan Am], Marin dan sebagainya ditetapkan untuk berkawal secara berterusan setiap hari, bulan ke bulan dan akan *route* [berterusan] (bunyi titisan air hujan) bermakna di bawah pentadbiran Eskomlah. Jadi disitulah saya dipanggil untuk menjalankan tugas di Sabah.

**Farhah** : Jadi ketika Tuan diminta untuk diantar bertugas di Sabah *tu* [itu] bagaimana penerimaan keluarga Tuan apabila Tuan dikehendaki bertugas di sana?

**Tuan** : Penerimaan pada mula nya memang rasa bimbang *jugak* [juga] untuk melepaskan maklum lah di situ, di Sabah *tu* [itu] memang tetap berbahaya walaupun di kawal kan sebab telah di fahamkan bahawa orang-orang Sulu ni [ini] memang dia jenis pendendam orang nya. Dia diibarat macam pokok buluhlah, walau ditebang buluh dia tetap rebung dia tetap naik (bunyi kunci) jadi disitu dapat maklumat dia masih lagi memburu polis dan tentera untuk membalas dendam atas kematian keluarga-keluarga mereka jadi disitu tumbulnya perasaan kita tidak boleh suka-suka, kita kena *alert* [peka] lah disana. Keluarga pun dalam keadaan bimbang pun tapi oleh kerana pengorbanan, dia terpaksa melepaskan jugalah. Nak *tak nak* [tak mahu] pun terpaksa lepaskan jugalah saya pergi ke sana. (bunyi pintu ditutup)

**Farhah** : (bunyi enjin kenderaan) Jadi apakah peranan Tuan ketika bertugas disana?

**Tuan** : Peranan saya *kat* [di] sana *just* [hanya] sebagai pegawai gerakan, antara pegawai gerakan yang ditugaskan disana, ada ramai juga pegawai-pegawai gerakan *jugak* [juga] disana, tapi tiap-tiap pegawai gerakan *tu* [itu] dia *dah* [sudah] ditetapkan tugas disana. Bermakna dia akan memegang satu *team* [pasukan] lah apabila menjalankan operasi ke, menjalankan rondaan ke, atau menjalankan tugas-tugas membantu polis-polis atau pasukan keselamatan disana *tu* [itu], saya terpaksa

mengetuailah, kalau ada operasi, kita terpaksa mengetuailah. Begitulah peranan-peranan utama, dalam masa yang sama *jugak* [juga] jaga bilik gerakan pun, melindungi maklumat-maklumat daripada orang awam bila berlaku penculikan ke, ataupun pencerobohan ke, kita akan salurkan maklumat-maklumat *tu* [itu], kemudian maklumat2 *tu* [itu] akan dihantar kepada anggota-anggota dan pegawai-pegawai yang berada di kawasan-kawasan yang *dah* [sudah] ditetapkan *tu* [itu] untuk menjalankan operasi.

**Farhah :** **Jadi, boleh Tuan ceritakan lebih lanjut tentang situasi yang berlaku disana semasa Tuan bertugas disana?**

**Tuan :** Semasa saya menjalankan tugas di- di Sabah, terutama di Semporna dan di Sandakan – ada juga, masih juga berlaku--- Masih juga ada maklumat-maklumat yang yang menyatakan dia akan menyerang menyerang balai, yang akan menyerang anggota polis, yang menyerahkan anggota tentera, dan *jugak* [juga], ada *jugak* [juga] berlaku penculikan-penculikan dimana apa *ni* [ini] pengganas Sulu menculik orang-orang tempatan atau nelayan-nelayan tempatan kemudian dia *bawak* [bawa] lari, *mintak* [minta] tebusan, dan *jugak* [juga] dia nak menyerang pulau-pulau Mabul, pulau-pulau yang ada di Sabah *tu* [itu] kan, dia nak mengambil dan menculik pelancong-pelancong. Jadi disitulah peranan kita untuk melakukan rondaan ataupun menangkap mereka *ni* [ini] dan *jugak* [juga] menolong orang-orang awam yang meminta pertolongan.

- Farhah** : Jadi bagi contohnya tadi, macam Tuan cakap ada orang tempatan yang diculik untuk dijadikan tebusan, jadi bagaimana– bagaimana keadaan ketika *tu* [itu] orang-orang tempatan yang diculik sebagai tebusan *tu* [itu], bagaimana mereka dilepaskan? Mereka *dah* [sudah] dapat diselamatkan atau macam mana?
- Tuan** : *Okay* [Baiklah] Alhamdulillah eh masa penculikan *tu* [itu] nelayan-nelayan *tu* [itu] dapat diselamatkan. Mungkin orang-orang Sulu *ni* [ini] dia lebih kepada dia nak culik pelancong-pelancong, mungkin dia-- kalau pelancong-pelancong *tu* [itu] dia boleh mintak tebusanlah (bunyi cawan dan piring berlaga ketika sedang dihidang), tebusan, wang sebagainya. Jadi kalau dia culik *tu* [itu] orang-orang tempatan yang kemungkinan orang-orang tempatan *tu* [itu] bangsa dia *jugak* [juga], bangsa Sulu *jugak* [juga], tapi menetap di Sabah, jadi dia *tau* [tahu] bangsa dia *tu* [itu], dia mungkin dilepaskanlah. Jadi kalau dia-- dia target dia adalah pelancong-pelancong asing (bunyi air minuman dituang kedalam cawan), orang Cina, orang-orang Inggeris kan, orang-orang yang dia *pikirkan* [fikirkan] dia dapat impak daripada apa yang dia culik *tu* [itu] kan. Jadi Alhamdulillah-lah dia, sekarang *ni* [ini] pun di pulau-pulau pun dah ada tentera dan polis pun *duk* [duduk] jaga sana. Jadi apabila dia datang sana dia tengok ada polis ada tentera dia pun takutlah nak buat sesuatu. Jadi Alhamdulillah sekarang *ni* [ini] terkawallah, tapi tetap ada jugak.

**Farhah** : Selain daripada itu, adakah- (berdehem) adakah orang awam yang tercedera ketika keadaan disana berlaku, ketika mereka menceroboh?

**Tuan** : Masa- masa bila? Masa keadaan aman *ni* [ini]?

**Farhah** : Dari pada awal-lah Tuan bertugas tu---

**Tuan** : Masa di awal *tu* [itu], saya tidak ada di tempat kejadian *tu* [itu], tapi banyak *jugaklah* [jugalah] yang orang awam yang tercedera, yang terbunuh, tapi *tak* [tidak] dapatlah nak dipastikan, sebab kebanyakannya adalah orang-orang yang yang tidak ada beridentiti. Maksud dia disitu kebanyakkan dia dah--- orang-orang Philippine *jugaklah* [jugalah], banyak orang-orang yang macam orang-orang yang masuk secara haram, jadi susah nak ditafsirkan atau nak di--- apa kata orang *tu* [itu], kita nak pastikan sama ada dia *tu* [itu] orang-orang Sulu ataupun orang-orang awam. Jadi, sebab kita nak masuk kawasan kampung, Kampung Air *tu* [itu] pun bukan mudah, sebab disitu sampai sekarang pun *tak* [tidak]- orang *tak* [tidak] secara bebas pergi masuk kampung *tu* [itu], sebab kebanyakan orang-orang Sulu. Jadi *diorang* [mereka] pun *tak* [tidak] dapat--- buat bancian pun, pun susah *jugak* [juga] sebab--- Itu hari ada dengar artikelnya, *diorang* [mereka] buat untuk buat pemeriksaan bekalan air, pun *diorang* [mereka] apa, *diorang* [mereka] suruh potong tanganlah, jadi susahlah masih sukar lagilah, masih *tak* [tidak] dapat- *tak* [tidak] dapat dikawal secara *totally-lah* [keseluruhan-lah]. Tapi dapat kita kawal secara - secara amnya, kita dapat kawallah kan.

**Farhah** : Jadi bila *tak* [tidak] dapat kenal pasti identiti orang awam *ni* [ini], bagaimana keadaan agaknya polis-polis *nak* [hendak] menangani masalah *tu* [itu] sebab mesti *nak* [hendak] selamatkan *jugak* [juga] kan orang tempatan kan?

**Tuan** : Polis dia tetap *jugak* [juga] kalau ada – ada report berkenaan dengan berlakunya pencerobohan ataupun berlakunya apa pendatang-pendatang asing kan, dia berdasarkan kepada laporanlah. Bila laporan ada, kita akan buat operasi\_ \_ dan kita menangkaplah orang-orang yang pendatang asing ni, orang-orang yang buat kacau ni. Dalam masa yang sama jugak, daripada agensi-agensi lain pun ada jugak melakukan bincian, siapakah penduduk-penduduk yang menetap di situ, sama ada orang tempatan atau orang asing.

**Farhah** : Sepanjang Tuan bertugas disana, bagaimana keselamatan orang awam ketika itu?

**Tuan** : Kebanyakan orang awam merungut *jugaklah* [jugalah] sebab kebanyakan yang asalnya orang Sabah, dia *tak* [tidak] boleh buat apa-apa sebab kebanyakannya dia *dah* [sudah]--- kebanyakannya *sedara-mara* [saudara-mara] di Sabah itu, kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi *tu* [itu], kebanyakannya daripada orang-orang *Philippine* [Filipina]. Jadi ia agak sukar untuk dikawal sebab kebanyakannya *suku-sakat* [keturunan] mereka dah berada disitu. Jadi kalau orang tempatan yang merungut pun, *tak* [tidak] boleh buat apalah sebab *dah* [sudah] terlalu ramai.

**Farhah** : Jadi--- *Okay [Baiklah]* selain daripada apa anggota polis yang ada yang tercedera tadi, adakah *jugak [juga]* bilangan-- ada *tak [tidak]* bilangan orang awam yang tercedera ataupun yang meninggal dunia semasa peristiwa itu?

**Tuan** : Saya mendengar di- apa laporan-laporan, ada juga yang tercedera mungkin semasa operasi tu kita *tak [tidak]* dalam keadaan yang kelam-kabut ke, mungkin ada yang kita *tak [tidak]* pasti sama ada pergelutan berlaku. Bila pergelutan berlaku dalam keadaan yang kita *tak [tidak]* nampak apa semua kan, mungkin - mungkin ada yang tercedera pada orang awam. Tapi itu yang saya *nak [hendak]* beritahu tadi, sama ada orang awam itu orang-orang pengganas ataupun orang awam tempatan sebab kebanyakan situ adalah orang-orang asing, jadi *nak [hendak]* kata orang awam, orang awam *ni [ini]* biasanya orang awam yang orang-orang tempatan kan. Kalau orang asing *tu [itu]* maknanya dia penceroboh kan, dia tidak ada identiti, *tu [itu]* kita *tak [tidak]* dapat pastikan. Kita akan pastikan lepas kami jalankan bincian.

**Farhah** : Jadi dari bilangan yang cedera *tu [itu]* berapa ramai yang berjaya diselamatkan? Ramai, ramai ke atau sedikit sahaja?

**Tuan** : Yang--- Saya *tak [tidak]* dapat *nak [hendak]* bagi yang secara detail-nya yang yang cedera apa semua kan, berapa ramai apa semua *tu [itu]*, tapi ikut dalam laporan suratkhabar pun- dalam suratkhabar pun *takde [tiada]* mengatakan sangat pun yang cedera, yang cedera pihak polis ada dinyatakan, pihak tentera pun ada *jugak [juga]*, tapi yang orang awam *ni [ini]* *tak [tidak]* berapa dinyatakan jugaklah.

**Farhah** : Tapi adalah yang dapat diselamatkan, ataupun---

**Tuan** : Ada, ada yang dapat diselamatkan. Sebab kita cuma *target* [sasar] pengganas-pengganas Sulu kan. Jadi pengganas-pengganas Sulu dapat ditangkap, kemudian siapa yang menyerang *tu* [itu] bermakna dia *tu* [itu] adalah pengganas Sulu kan. Jadi yang *tak* [tidak] menyerang, kita *takda* [tiada] mencederakan mereka. Yang menyerang sahaja, yang menyerang kita, baru kita gunakan segala sesuatu tindakan yang patut untuk menangkap mereka.

**Farhah** : Jadi (berdehem) sepanjang peristiwa *tu* [itu] ada anggota polis dan anggota tentera yang bertugas di situ, jadi kita *jugak* [juga] ada diberitahu tentang apa terkorbannya tentera ataupun polis Negara kita kan. Jadi bagaimana jenazah petugas tersebut dibawa pulang ke pangkuhan keluarga untuk pengebumian atau adakah mereka dikebumikan disana?

**Tuan** : Kebanyakan yang terkorban, jenazah-jenazah dia dibawa keluar daripada kawasan operasi *tu* [itu]- kemudian kita- dibawa balik ke tempat di kampung halaman merekalah mengikut kehendak ahli keluarga *tu* [itu]. Jadi kita *bawak* [bawa] menggunakan pesawat khas untuk dibawa di mana dia hendak dikebumikan secara eloklah kan. Jadi itu *takde* [tiada] masalahlah yang itu, bermakna semua berjalan dengan baiklah.

**Farhah** : *Okay [Baiklah] bagaimana agaknya keadaan petugas di sana yang terbunuh ataupun mungkin dibunuh yang boleh Tuan ceritakan pada kami? Mungkin keadaan ini kadang-kadang tidak diberitahu dalam berita, jadi kalau Tuan boleh ceritakan pada kami keadaan petugas yang terbunuh ataupun yang dibunuh di sana, yang terkorban.*

**Tuan** : Petugas-petugas yang yang terbunuh terutamanya polis dan tentera *tu* [itu] biasanya memang biasa yang telah dilaporkan. Yang tidak dilaporkan, saya rasa *takde* [tiada]– *takde* [tiada] yang tidak dikeluarkan. Itu sahajalah yang---

**Farhah** : **Sebab ada *jugak* [juga] cerita-cerita ataupun mungkin orang kata ura-ura ke khabar angin yang mengatakan keadaan ada petugas-petugas kita di sana yang diseksa, ada yang memang terkorban dalam keadaan yang mengerikan. Jadi sejauh mana kebenaran cerita itu?**

**Tuan** : Yang saya tahu yang diseksa itu adalah yang terbunuh. Jadi yang terbunuh, yang dibunuh dia seksa – seksa pun, bukan dia seksalah, macam dia– dia cacatkan mayat *tulah* [itulah]. Apa nama, dengan kepala dia yang ditetak dan sebagainya kan, menyebabkan mayat *tu* [itu] dah tak serupa mayat *tu* [itu] kan. Ha itu adalah. Pasal seksa *tu* [itu] saya *takda* [tiada] mendengar pun dia diseksa, tapi mungkin dia seksa dulu *pas tu* [selepas itu] baru dia bunuh. Yang itu wallahualam-lah, sebab itu semua orang tidak berada disitu sebelum kami datang selamatkan *tu* [itu]. Jadi yang dapat diselamatkan *tu* [itu] yang boleh

bercerita tentang apa yang berlaku.

Farhah : *Okay [Baiklah]. Jadi bagi pihak Tuan dan pasukan penyelamat yang bertanggungjawab mengendalikan situasi disana, bagaimana perasaan Tuan untuk memaklumkan kepada keluarga petugas yang terbunuh di samping memastikan keadaan *tu* [itu] terkawal?*

*Kita nak [hendak] maklumkan pada keluarga petugas yang terkorban ataupun tercedera *tu* [itu], bagaimana perasaan ketika *tu* [itu] dengan keadaan yang kelam-kabut di sana?*

Tuan : Yang itu saya *tak* [tidak] dapat ceritakan sebab yang berlaku pada masa itu saya *takda* [tiada], jadi mungkin petugas-petugas masa awal kejadian yang merasai perkara-perkara *tu* [itu]. Tapi biasalah kalau, biasanya kalau berlaku perkara yang tidak baik *tu* [itu], *nak tak nak* [hendak tidak hendak] pun kita kena bagi tahu jugak sebab dia tahu, keluarga-keluarga mereka pun tahu, sebab dia bertugas disana dan situasi pada masa itu pun memang agak tegang. Jadi diorang pun sentiasa mungkin boleh--- *Nak tak nak* [hendak tidak hendak], *tak* [tidak] boleh terima pun kena terima juga, sebab memang keadaan disana memang merbahaya jadi kemungkinan keluarga atau anak-anak mereka tahu kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku.

Farhah : Jadi, mungkin ada rakan-rakan setugas Tuan yang pernah bertugas disana pada awal peristiwa itu, ada *tak* [tidak] yang berkongsi cerita dengan Tuan yang mungkin yang Tuan dengar dari rakan-rakan setugas yang lain?

Tuan : Ada *jugak* [juga], dia pada masa *tu* [itu] semasa dia diserang dalam kampung– kampung si bunuh *ni* [ini] dimana dia telah– pengganas Sulu telah mengepung mereka. Pada masa itu rakan-rakan mereka telah terkorban, dan dia masa itu senjata pun *tak* [tidak] ada peluru dah. Jadi dalam keadaan yang ketakutan, (bunyi nada dering telefon bimbit) masa itulah dia berdoa pada Allah, kemudian dalam keadaan dia duduk diam dalam bilik *tu* [itu], sampai dia kata kalau pengganas Sulu *tu* [itu] masuk, memang dia habislah. Dia matilah, dia *tak* [tidak] ada peluru untuk melawan. Jadi dalam keadaan terketar-ketar tu mungkin Allah *nak* [hendak] tolong, pengganas Sulu *tu* [itu] beredar. Bila beredar barulah dia dapat diselamatkan. Jadi dia dalam keadaan traumalah dalam beberapa bulan. Itu salah satu daripada yang dia dapat ceritakanlah, sahabat saya *tu* [itu].

Farhah : Oleh sebab agak ramai ya yang tercedera dan terbunu, ada *tak* [tidak] bilangan pasukan petugas ataupun penyelamat Negara kita yang dihantar lagi kesana keuntuk mengawal keadaan disana atau-- Kiranya untuk menggantikan yang telah tiada untuk bertugas disana, ada *tak* [tidak]?

Tuan : Memang sampai sekarang *ni* [ini] masih lagi petugas tu [itu] masih diteruskan, dan dia tidak akan putus, dia akan sntiasa– dia akan secara *rotate-lah* [berpusing-lah], bermakna mungkin dia buat sebulan sebulan tukar orang, sebulan tukar orang, sebulan tukar orang. Mungkin\_ saya pun akan pergi ke Sabah lagi. Mungkin sebulan saya akan bertugas disana *pastu* [selepas itu] lepas saya cukup bulan *tu* [itu], ada rakan lain

pulak yang akan tukar. Begitulah seterusnya sampai keadaan betul-betul amanlah, *tak tau* [tidak tahu] sampai bila kan.

**Farhah** : Jadi tiap-tiap bulan memang akan bertukar petugas yang dihantarlah. *Okay* [Baiklah]. Jadi walaupun rakyat Malaysia dimaklumkan ya, bahawa keadaan disana pada ketika ini sudah terkawal, namun dalam pengetahuan pihak Tuan, masih berlakukah serangan ataupun pencerobohan dari penganas-penganas Sulu terhadap Lahad Datu?

**Tuan** : Sejak beberapa— beberapa bulan *ni* [ini], masih- masih jugak terdapat--- Mungkin berlaku serangan-serangan sebab orang-orang Sulu *ni* [ini] dia dendam dia, dia takkan tamat begitu sahaja. Dia akan terus berdendam kemudian dia bila-bila masa dia akan--- Masa sesuatu yang sesuai, masa yang sesuai dia akan melancarkan serangan. Itu sebab sentiasa berjaga-jaga *tu* [itu], adalah kemungkinan-kemungkinan yang akan berlakulah.

**Farhah** : Jadi dalam keadaan sekarang *ni* [ini] walaupun kita dimaklumkan keadaan terkawal, keadaan disana *tu* [itu] masih ada lagilah penganas-penganas Sulu yang cuba mengganggu orang awam disana.

**Tuan** : Ya, ada. Penganas Sulu masih lagi *tak* [tidak] berputus asalah. Mungkin dia tengah mengumpul kekuatan ke, mereka *ni* [ini] dia takkan berhenti disitu *je* [sahaja]. Selagi dia *tak* [tidak] dapat hak mereka *tu* [itu], dia akan terus membuat kacau. Dia sebenarnya lebih kepada membuat kacaulah pada masyarakat disitu supaya masyarakat jadi

bimbang, jadi takut dan sebagainya.

- Farhah** : Jadi bila keadaan dah jadi macam *tu* [itu], orang awam semua takut dengan keadaan yang terganggu, dikacau apa semua *tu* [itu], macam mana mereka menjalani kehidupan mereka dari segi *nak* [hendak] makan ke *nak* [hendak] keluar ke, dan bagi anak-anak yang *nak* [hendak] ke sekolah dan yang bekerja. Bagaimana keadaan kiranya ekonomi disana?
- Tuan** : Walaupun dalam keadaan kebimbangan, saya melihat mereka masih tetap bekerja, masih tetap. Dia terpaksa menjalani tugasannya harian macam biasalah walaupun *dah* [sudah] dalam keadaan ketakutan, tetapi peranan polis *ni* [ini] dia sedikit memberi kelegaanlah kepada masyarakat supaya kehadiran polis *tu* [itu] menyebabkan dia rasa selamatlah, selamat dalam kehidupan mereka.
- Farhah** : *Okay* [Baiklah] itu dari segi ekonomi, ekonomi. Kalau dari segi pelancongan *pulak* [pula], kita tahu kan Sabah merupakan satu, sebuah negeri yang dijadikan kawasan pelancongan kan. Dari segi sektor pelancongan *tu* [itu], mungkin terjejas disana?
- Tuan** : Pelancongan *dah* [sudah] semestinya terjejas, ini mungkin disebabkan oleh *info* [maklumat] daripada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab kan, yang memberi *info* [maklumat] terutamanya kepada pelancong-pelancong asing yang *nak* [hendak] datang kesini kan, dia kata Sabah banyak jenayah dan sebagainya. Tapi saya melihat *jugak* [juga] pelancong tetap ada jugak. Masih ada. Cuma mungkin\_

saya melawat Pulau Sipadan dimana pulau yang salah satu pulau tercantik di dunia. Saya dapati dia *dah* [sudah] macam tidak teruruslah, sebab kalau dulu diorang boleh bermalam disitu tapi sekarang *dah tak* [sudah tidak] boleh bermalam. Jadi kawasan *tu* [itu] dia dah jadi macam tempat diorang buat skuba daripada pagi sampai pukul enam petang *je* [sahaja]. *Pastu* [selepas itu] malam *tak* [tidak] boleh *dah* [sudah], kalau dulu boleh bermalam, jadi ramailah pelancong. Sekarang *ni* [ini] mungkin kuranglah sikit.

**Farhah** : *Okay* [Baiklah] (berdehem). Jadi pada pendapat Tuan ya, apakah relevannya pihak penyelamat Malaysia merahsiakan beberapa isu berkenaan pencerobohan Lahad Datu dari pengetahuan orang awam, sebab tentunya *tak* [tidak] semua perkara yang akan diceritakan supaya, untuk tidak buat rakyat risau. Jadi ada *tak* [tidak] perkara-perkara atau isu-isu yang mungkin tidak dimaklumkan kepada rakyat?

**Tuan** : Saya rasa apa yang dilaporkan *tu* [itu] adalah berdasarkan kepada maklumat-maklumat ataupun perkara yang berlaku sebab sekarang *ni* [ini] kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] merahsiakan *jugak* [juga] sebab sekarang *ni* [ini] orang kata dunia tanpa sempadan, kalau kita merahsiakan pun, orang lain akan bagi maklumat *tu* [itu] melalui Youtube dan sebagainya. Jadi saya rasa apa yang berlaku itulah yang dilaporkan *tu* [itu].

**Farhah** : Jadi *tak* [tidak] ada apa-apa isulah yang dirahsiakan daripada pengetahuan rakyat ke apa ke?

**Tuan** : Saya rasa *takde* [tiada], cuma kalau ada pun perkara-perkara yang melibatkan keselamatan Negara yang tidak boleh dilaporkan kepada masyarakat, melibatkan keselamatan Negara, itu sahajalah.

**Farhah** : Jadi pada pendapat Tuan ya, ada *tak* [tidak] dalang dari pihak, mana-mana pihak yang mungkin memberi maklumat kepada pengganas untuk menjatuhkan sendiri Negara kita, yang sehingga berlakunya pencerobohan begini. Mesti ada punca kenapa pengganas Sulu *tu* [itu] boleh datang menceroboh ke Lahad Datu, Sabah.

**Tuan** : Yang itu sekarang masih dalam siasatan- siasatan. Jadi, kita *tak* [tidak] boleh nak menceritakan sebab kita bimbang benda ini akan dieksplotasikan. Jadi sekarang *ni* [ini] masih dalam siasatan lagi, walaupun dalam suratkhabar ada menyatakan. Tapi apabila kita menceritakan hal dalam siasatan nanti kita telah melanggar prosedur-prosedur tertentulah. Jadi kita dalam siasatan.

**TAMAT BAHAGIAN C**

#### BAHAGIAN D: KHIDMAT SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN.

Farhah : Okay [Baiklah]. Sekarang ini kami ingin tahu *pulak* [pula] dari segi khidmat sosial dan kemasyarakatan Tuan sebagai anggota polis. Selain daripada itu ya, Tuan juga pernah terlibat semasa Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan Negara-negara Komanwel ataupun COGAM. Boleh Tuan ceritakan serba sedikit tentang COGAM?

Tuan : COGAM ini adalah satu– orang kata apa, negara-negara yang dibawah taklukan British– bekas negara-negara taklukan British. Jadi sekarang ni dia telah bebas kan, jadi walaupun dia telah bebas, merdeka daripada British, namun mereka *jugak* [juga] telah mengadakan satu aktiviti dimana persidangan-persidangan contohnya persidangan COGAM diadakan dwi-tahunan, dimana dalam persidangan dia akan memperbincangkan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan anggota Komanwel *nilah* [inilah]. Dia membincangkan masalah-masalah negara-negara Komanwel, apa-apa isu-isu semasa diperbincangkan dalam persidangan itu. Malaysia, telah--- Kali yang terakhir diadakan pada tahun *lapan puluh sembilan* [89] persidangan COGAM, masa *tu* [itu] dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Masa *tu* [itu] Queen Elizabeth pun datang merasmikan persidangan *tu* [itu]. Jadi persidangan *tu* [itu] memang semua negara-negara Komanwel, macam bekas tanah jajahan British hadirlah dalam persidangan *tu* [itu].

**Farhah** : Jadi persidangan *ni* [ini] diadakan secara tahunan ataupun pada waktu-waktu tertentu *je* [sahaja] atau macam mana?

**Tuan** : Dia diadakan dua tahun sekali kalau *tak* [tidak] silap saya. Dwi-tahunan. Jadi negara-negara yang dipilih untuk jadi tuan rumah, akan dipilih semasa akhir lawatan— eh semasa akhir persidanganlah, negara mana yang akan menjadi tuan rumah. Jadi, dia diadakan dua tahun sekali.

**Farhah** : Jadi Malaysia pernah menjadi tuan rumah *tak* [tidak] untuk COGAM *ni* [ini]?

**Tuan** : COGAM, Malaysia pernah jadi tuan rumah pada tahun *sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989]. Masa *tu* [itu] saya pun terlibat jugak dalam, semasa persidangan *tu* [itu].

**Farhah** : Selain daripada COGAM ya, pernah *tak* [tidak] Tuan terlibat dalam apa-apa khidmat sosial dan kemasyarakatan yang lain?

**Tuan** : Saya--- Sebab sosial yang lain saya lebih kepada melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti masjidlah, aktiviti masjid. Lepas *tu* [itu], aktiviti-aktiviti kelab, kelab polis, dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan— apa nama ni-kebijikan-kebijikan anggota lahir, permasalahan anggota lahir.

**Farhah** : Jadi sepanjang tempoh perkhidmatan Tuan sebagai anggota polis, apakah pencapaian yang telah Tuan capai setakat ini?

**Tuan** : Maksudnya, surat penghargaanlah?

- Farhah** : Ya, pencapaian Tuan, penghargaan, khidmat-khidmat Tuan---
- Tuan : Saya yang- yang pencapaian yang paling- yang tertinggi saya terima ialah saya telah menerima Pingat Keberanian Terbilang oleh Sultan Selangor pada *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997]. *Pas tu* [Selepas itu], Pingat Pangkuhan Negara Yang di-Pertuan Agong pada *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998]. *Pas tu* [Selepas itu] Pingat\_ KPN [Ketua Polis Negara] *dua ribu tiga* [2003]. *Pas tu* [Selepas itu] Anugerah Maulidur Rasul peringkat kebangsaan daripada Yang di-Pertuan Agong tahun *dua ribu* [2000]. Anugerah Pingat Cemerlang daripada KPN [Ketua Polis Negara] tahun *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999]. *Pas tu* [Selepas itu] Pingat Kesatria Pasukan Polis pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013]. Dapat surat penghargaan daripada Perdana Menteri pada tahun *sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989]. Dapat surat penghargaan daripada Perdana Menteri pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998]. Dapat surat penghargaan daripada Menteri Belia dan Sukan, *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998]. Dapat surat penghargaan daripada Komander\_\_\_\_\_, dan *jugak* [juga]- surat-surat penghargaan yang lainlah daripada Ketua Polis, Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan- dan juga Pengarah KDMKA. Saya *jugak* [juga] terlibat dalam pertandingan menembak KDMKA, melibatkan diri dalam “Marlboro Invention Team” peringkat kebangsaan, pertandingan tembak Piala KPN, pertandingan tembak IPAC dan sebagainyalah.

**Farhah** : Jadi banyak ya anugerah-anugerah, pingat-pingat, dan pencapaian Tuan sehingga ke hari ini. Jadi sebelum kita sampai ke penghujung wawancara ni, apakah pandangan Tuan terhadap polis dahulu dan sistem polis sekarang?

**Tuan** : Okay [Baiklah], perbezaan atau pendapat saya berkenaan dengan pandangan, ataupun pandangan sayalah dengan polis dulu dan sekarang *ni* [ini]. (bunyi enjin kenderaan) Dia sebenarnya dia, kita tidak boleh mempertikaikan dulu dan sekarang *ni* [ini] sebab dulu ada kelebihan tertentu dan juga kelemahan-kelemahan tertentu. Mungkin juga di zaman sekarang, polis sekarang pun ada kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahandia. Kalau dulu mungkin *tidak* sama dengan sekarang kan. Sekarang saya melihat lebih mencabar disebabkan oleh dunia yang global, dunia yang tanpa sempadan, maklumat-maklumat yang tanpa sempadan. Kata orang *tu* [itu], kalau dalam computer *tu* [itu] ada virus, virus yang terlalu banyak. Penyebaran maklumat-maklumat yang begitu cepat disampaikan kepada seseorang *tu* [itu] menyebabkan polis semakin mencabar, semakin kena *nak* [hendak] mengatasi. Bermakna polis dengan apa yang ada sekarang *ni* [ini], dengan pengangkutan yang ada sekarang *ni* [ini] memang sukar jugalah nak mengawal masyarakat yang bukan sahaja berdepan dengan masyarakat di Malaysia, tapi juga masyarakat di seluruh dunia. Sebab, sebab dia dunia tanpa sempadan. Masyarakat-masyarakat di Malaysia bukan sahaja berhubung antara masyarakat di Malaysia sahaja, tetapi di seluruh dunia dia boleh dapatkan maklumat *tu* [itu] dengan secara tekanan *keypad je* [papan kekunci sahaja], tekanan di hujung jari *je*

[sahaja], maklumat di hujung jari *je* [sahaja]. Jadi dia perlu ada kerjasama yang sepenuhnya daripada masyarakat, baru kita boleh dapat sepenuhnya mengawal keadaan keselamatan di Negara kita.

- Farhah : Jadi bercakap tentang teknologi yang ada sekarang *ni* [ini], kadang-kadang kita tengok macam-macam eh bentuk--- Kadang-kadang orang menyebarkan perkara-perkara yang *tak* [tidak] betul yang boleh mengancam keselamatan Negara kita, jadi ada *tak* [tidak] tindakan yang *diamondik* [diambil] daripada tindakan sesetengah pihak yang menyebarkan perkara-perkara yang tidak baik untuk keselamatan Negara *ni* [ini], di sumber-sumber teknologi contohnya di laman sosial ke macam mana, ada *tak* [tidak] tindakan *diamondik* [diambil] ataupun dibiarkan sahaja ke atau macam mana *tu* [itu]?
- Tuan : Tindakan-tindakan orang yang menyebarkan berita-berita palsu yang atau berita-berita yang menyetuh kepada ugutan ataupun berita-berita yang menyampaikan maklumat-maklumat yang salah— apa nama ni-hasutan dan sebagainya. Kita ada buat tindakan tetapi bukan mudah untuk mengambil tindakan sebab dia memerlukan penyiasatan yang rapi dan pengguna-pengguna--- Kita bayangkanlah pengguna-pengguna di Malaysia pun cukuplah, berapa juta orang? Tiap-tiap satu *tu* [itu], bukan kata tiap-tiap hari, tiap-tiap minit *tu* [itu] ada benda-benda yang berlaku. Cuba bayangkan macam mana kita *nak* [hendak] menangani *tu* [itu]? Bukan mudah. Jadi, ada tindakan tetapi tindakan *tu* [itu] kadang-kadang kita tidak boleh menghapuskan kesemuanyalah, dia tetap ada *jugak*

[juga]. Dia tetap ada. Agak sukarlah.

**Farhah** : Jadi jika diberi peluang ya, apakah yang Tuan ingin lakukan untuk meningkatkan produktiviti kerja dalam bidang polis *ni* [ini]?

**Tuan** : Pertama, kita mesti ikhlas dalam membuat penugasan. Kalau kita ikhlas, kita menganggap bahawa penugasan atau tugas itu adalah satu ibadah , kan- ibadah Allah, kita buat semua kerana Allah, kita secara langsungnya kita dapat meningkatkan produktiviti kita dalam penugasan. Jadi kalau kita nak buat, kita mesti kerana Allah. InsyaAllah dia akan meningkat. Kalau kita kerana yang lain-lain, mungkin kita dapat *jugak* [juga] tapi mungkin penugasan *tu* [itu]– kejayaan *tu* [itu] bersifat sementara *je* [sahaja]. Kalau kita ikhlas, bermakna Allah akan tolong juga tugas kita. Kalau kita ikhlas kerana Allah.

**Farhah** : Jadi apa-apapun dalam kehidupan kita, prinsip yang Tuan pegang ialah ikhlas dalam bertugas.

**Tuan** : Ya, dan ikhlas *tu* [itu]– *setan* [syaitan / iblis] pun takut dengan ikhlas. Dia takut pada orang yang ikhlas. Kalau kita tak ikhlas *ni* [ini], *setan* [syaitan / iblis] *tak* [tidak] takut. Jadi bila kita ikhlas, ikhlaskan. Allah tahu kita ikhlas. Jadi Allah suka pada orang yang ikhlas. Jadi kalau kita— kalau orang yang ikhlas *ni* [ini], kita buat kita dapat kebaikan pun Alhamdulillah. Kalau kita *tak* [tidak] dapat kebaikan pun, kita tetap juga bersyukur pada Allah sebab segala-galanya Dia yang menentukan.

Farhah : (berdehem) Jadi (bunyi motor aiskrim berlagu) pada pendapat Tuan ya, apa- apa yang boleh Tuan katakan tentang pendapat segelintir pihak yang memperkecilkkan tugas seorang polis?

Tuan : Orang yang mempertikaikan tugasan tugas seorang anggota polis *ni* [ini], sebenarnya dia tidak merasai denyut nadi anggota polis. Dia— kata orang *nak* [hendak]- *nak* [hendak] mendirikan— *nak* [hendak] meruntuhkan bangunan *tu* [itu] lebih mudah daripada *nak* [hendak] membina bangunan *tu* [itu] kan. Jadi kita nak membentuk masyarakat *ni* [ini] tidak semudah kita *nak* [hendak] complaint. Kalau orang *tak* [tidak] jadi polis, siapa *nak* [hendak] jadi polis? Kalau orang *tak nak* [tidak mahu] kerja polis *ni* [ini] kan, siapa *nak*[hendak] jaga keselamatan Negara? Sedangkan *diorang* [mereka] boleh tidur lena dengan\_ polis. Dia berjaga malam, dia berkorban, polis kena hentam, kena maki, kena hamun. Tapi cuba- orang awam cuba kena maki hamun, dia sanggup terima *tak* [tidak]? *Tak* [tidak] sanggup terima. Tapi polis, dia *dah* [sudah] tahu *dah* [sudah] tugas dia memang, tugas dia memang untuk mendidik masyarakat, menjaga, mengekalkan keamanan Negara— apa— kedaulatan undang-undang kan, mencegah jenayah, mencegah kesalahan, menangkap penjenayah-penjenayah kan. Jadi, benda-benda *tu* [itu]— benda-benda *tu* [itu] kita--- Tidak mudah dilakukan, jadi polis pun manusia biasa *jugak* [juga]. Jadi, memang ada anggota polis yang segelintirnya buat perkara-perkara yang *tak* [tidak] elok, tapi bukan semuanya. Sebab polis pun manusia *jugak* [juga] kan.

**Farhah** : Jadi berapa lama lagi agaknya Tuan ingin menyumbangkan khidmat Tuan sebagai anggota polis pada Negara?

**Tuan** : Kalau *nak* [hendak] ikut saya punya umur, bermakna saya lagi tujuh tahun lagilah, sampai usia saya enam puluh tahun. Tapi itu dalam polis, tapi kita sebagai--- Kalau kita *ambil* [ambil] luahkan kita punya pemikiran, kita *ni* [ini] dilahirkan sebagai khalifah, kita sampai mati kita sebagai khalifah, maksud dia, kita-- kita bertugas ataupun kita hidup ialah untuk menjalankan amanah Allah sebagai khalifah. Sampai mati pun kita terpaksa menjalankan amar makruf nahi mungkar.

**Farhah** : Sepanjang Tuan dah berkhidmat ya sebagai anggota polis, dari bawah sehingga sekarang bergelar seorang Inspektor, ada *tak* [tidak] lagi sumbangan-sumbangan lain yang Tuan ingin berikan ataupun lakukan untuk Negara yang mungkin cita-cita Tuan ke, teringin *nak* [hendak] sumbangkan sesuatu pada Negara. Ada lagi *tak* [tidak]? Ke Tuan rasa *dah* [sudah] banyak *dah* [sudah] sumbangan?

**Tuan** : Saya rasa saya *tak* [tidak] banyak sumbangan pada Negara. Saya kalau boleh memang *nak* [hendak] menyumbangkan lagi besar lagilah terutamanya untuk mendidik masyarakat supaya mengikut apa yang dalam-- apa yang ditentukan dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Itu yang paling penting sekali sebab kita memang terpaksa menjalankan amanah. Kan? Amanah--- Polis *ni* [ini] tugasnya pun amanah *jugak* [juga], menjaga kepentingan masyarakat, mendidik masyarakat. Begitu juga yang lain-lain pun sama *jugak* [juga]. Tapi alangkah baiknya kalau

kita mendidik masyarakat dengan membawa masyarakat kepada dekatkan— kepada Al-Quran dan *jugak* [juga] Sunnah Rasulullah. Itu yang contoh terbaik. Itu yang kita terpaksa mendalamkan ilmu dunia dan akhirat supaya kita besok tidak didakwa kerana tidak menjalankan amanah Allah.

**Farhah :** Jadi sekiranya Tuan sudah bersara dari bidang polis ini, adakah Tuan akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan ke, atau macam mana?

Tuan : Sebenarnya selagi kita masih hidup, kita kena teruskan. Selagi kita nak-- di hujung-hujung usia, baki-baki usia, pasti kita gunakan sepenuhnya untuk berkhidmat pada masyarakat. Jadi kita tidak berhenti setelah kita pencen, kita akan teruskan selagi mampu, selagi kita larat, untuk berbakti kepada masyarakat. Jadi kita akan teruskan masuk saluran-saluran ataupun melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan Negara.

**Farhah :** Jadi betapa mulianya jiwa seorang anggota polis yang *nak* [hendak] menjaga keamanan dan keselamatan Negara kita *ni* [ini]. Jadi rasanya kita *dah* [sudah] sampai ke penghujung wawancara, *dah* [sudah] banyak yang dapat kami pelajari dan dapat kami kenal diri seorang polis seperti Tuan. Jadi, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan amat berpuas hati dengan kerjasama yang Tuan berikan, kesudian Tuan untuk berkongsi pelbagai kisah dan pengalaman menarik. Kami amat menghargai

**kesudian Tuan dan kerana itulah kami amat berbesar hati untuk memilih Tuan untuk dijadikan tokoh dan untuk kami bukukan kisah Tuan dalam dokumentasi kami nanti. Terima kasih ya Tuan.**

**Tuan** : Sama-sama. Saya *jugak* [juga] memohon ampun dan maaf sekiranya butir-butir yang saya berikan ataupun fakta-fakta yang saya berikan tidak menepati apa yang diinginkan ataupun kurang-kurang isinya atau sebagainya, saya mohon maaflah dan segala-galanya daripada Dia, mungkin inilah yang daripada Dia.

**Farhah** : **Dan pihak kami juga. Saya, Farhah Amalina dan rakan saya, Noor Afiqah *jugak* [juga] ingin memohon maaf sekiranya ada kekurangan ataupun kami tersalah tutur kata dalam soalan wawancara kami tadi, jadi diharap pihak Tuan tidak tersinggung ataupun sekiranya ada, kami memohon maaf dari awal hingga ke penghujung wawancara ini. Ya, ok terima kasih, Tuan.**

**TAMAT BAHAGIAN D**

# **SENARAI SOALAN**

## **Soalan Temu Ramah**

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Berapakah umur Tuan sekarang?
3. Dimanakah Tuan dilahirkan?
4. Bilakah Tuan dilahirkan?
5. Apakah hobi Tuan dimasa lapang?
6. Bersama siapakah Siapakah biasanya Tuan lakukan hobi bersama?
7. Di manakah Tuan menetap sekarang?
8. Adakah sedara mara semua berada di Segamat, Johor?
9. Siapakah yang tinggal bersama Tuan sekarang?
10. Apakah nama penuh ayah dan ibu Tuan?
11. Maaf bertanya, adakah ibu bapa Tuan masih hidup?
12. Dimanakah mereka tinggal sekarang?(sekiranya masih hidup)
13. Ketika Tuan baru melibatkan diri dalam bidang polis, apakah pekerjaan ibu bapa Tuan ketika itu?
14. Sebelum Tuan berkahwin, dimanakah Tuan tinggal bersama ibu dan bapa Tuan?
15. Berapakah bilangan adik beradik Tuan?
16. Tuan merupakan anak yang ke berapa?
17. Bolehkah Tuan ceritakan lebih lanjut tentang adik beradik Tuan?
18. Adakah masing-masing tinggal dikawasan sini?
19. Apakah cita-cita Tuan ketika kecil?
20. Bolehkah Tuan ceritakan tentang zaman persekolahan Tuan dahulu?
21. Apakah nama sekolah Tuan dahulu?
22. Apakah pengalaman manis Tuan waktu zaman persekolahan?
23. Apakah pengalaman pahit Tuan ketika zaman persekolahan?
24. Adakah Tuan menyambung pelajaran ke universiti atau terus masuk ke pusat latihan polis (PULAPOL)?
25. Bolehkah Tuan ceritakan lebih lanjut tentang perjalanan pembelajaran Tuan sehingga ke hari ini?
26. Adakah Tuan aktif bersukan ketika waktu belajar?
27. Bilakah Tuan menamatkan zaman bujang Tuan?
28. Berapa tahunkah usia perkahwinan Tuan dan isteri?

29. Bagaimanakah perkenalan Tuan dan isteri Tuan?
30. Apakah nama penuh isteri Tuan?
31. Bolehkah Tuan ceritakan lebih lanjut tentang latar belakang isteri Tuan?
32. Adakah isteri Tuan seorang suri rumah atau seorang yang bekerjaya?
33. Bolehkah saya tahu bilangan anak Tuan?
34. Berapakah bilangan anak lelaki dan anak perempuan Tuan?
35. Siapakah nama-nama mereka?
36. Adakah anak Tuan masih bersekolah atau sudah bekerja?
37. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit tahap pendidikan anak-anak Tuan?
38. Bagaimanakah Tuan meluangkan masa antara kerja dan keluarga?
39. Adakah masa bersama keluarga itu adalah masa rehat Tuan?
40. Adakah Tuan meminati menjadi seorang anggota polis sejak kecil lagi?
41. Adakah Tuan mempunyai seorang idola yang menjadi inspirasi sehingga berjaya ke hari ini?
42. Mengapakah Tuan memilih beliau sebagai idola?
43. Apakah pandangan Tuan terdapat tokoh tersebut secara peribadi?
44. Apakah prinsip yang Tuan pegang selama ini?
45. Siapakah yang menjadi pendorong yang kuat atau dianggap sebagai motivator kepada Tuan?
46. Sudah berapa lama Tuan berkecimpung dalam bidang ini?
47. Bolehkah Tuan menceritakan pengalaman Tuan sepanjang berkecimpung dalam bidang ini?
48. Bolehkah saya tahu, apakah jawatan yang Tuan sandang ketika ini?
49. Apakah jawatan yang pernah Tuan pegang sebelum berkhidmat di UTK?
50. Sudah berapa lamakah Tuan berkhidmat di Unit Tindakan Khas(Bukit Aman)?
51. Sepanjang khidmat Tuan di unit UTK, tugas apa yang pernah Tuan terlibat secara langsung?
52. Unit Tindak Khas merangkumi orang kenamaan sahaja atau termasuk keluarga sekali?
53. Sepanjang tempoh masa ini apakah pencapaian yang telah Tuan capai?
54. Sepanjang tugas Tuan apakah pengalaman yang Tuan tidak boleh lupakan?
55. Apakah anugerah yang telah Tuan capai sepanjang berkhidmat dalam bidang polis?

56. Apakah khidmat-khidmat yang telah Tuan sumbangkan pada Negara yang melayakkan Tuan berada di tahap ini pada hari ini?
57. Pada waktu bilakah Tuan selalu meluangkan waktu kerja Tuan, siang atau malam?
58. Apakah bidang jenayah yang biasanya diuruskan oleh unit Tuan?
59. Daripada info yang saya dapat, unit Tuan merupakan pengiring orang-orang kenamaan seperti menteri dan golongan VVIP, bolehkah Tuan jelaskan skop tugas semasa mengendalikan orang kenamaan ini?
60. Sebagai pengiring orang kenamaan apakah risiko-risiko yang mungkin Tuan hadapi semasa bertugas?
61. Sepanjang menjadi pengiring, apakah pengalaman yang boleh Tuan kongsikan pada kami?
62. Adakah tugas ini hanya merangkumi keselamatan golongan kenamaan atau melibatkan keluarga golongan kenamaan?
63. Adakah unit UTK juga mengendalikan jenayah berprofil tinggi?
64. Adakah susah/rumit bagi pihak Tuan untuk mengendalikan kes-kes jenayah tersebut?
65. Pada pandangan Tuan, adakah Tuan selesa menjalankan pekerjaan Tuan ketika ini?
66. Baru-baru ini, Negara kita dikejutkan tentang serangan dari orang Sulu adakah Tuan berada disana ketika peristiwa ini berlaku?
67. Bagaimanakah penerimaan keluarga Tuan apabila Tuan dikehendaki bertugas disana?
68. Apakah peranan Tuan ketika ditugaskan disana?
69. Bolehkah Tuan ceritakan lebih lanjut tentang situasi yang berlaku disana?
70. Adakah yang cedera hanya pasukan penyelamat?
71. Adakah yang cedera melibatkan orang awam?
72. Bagaimana keselamatan orang awam disana?
73. Berapakah bilangan yang cedera dan yang telah meninggal dunia?
74. Dari bilangan yang cedera berapa ramaikah yang berjaya diselamatkan?
75. Bagaimanakah jenazah petugas dibawa pulang ke pangkuhan keluarga untuk pengebumian?
76. Bagaimanakah keadaan petugas disana yang terbunuh/dibunuh yang boleh Tuan ceritakan pada kami?

77. Bagi pihak Tuan dan pasukan penyelamat yang bertanggung jawab mengendalikan situasi disana, bagaimanakah perasaan Tuan memaklumkan kepada keluarga petugas yang terbunuh disamping memastikan keadaan disana terkawal?
78. Adakah rakan-rakan setugas yang lain ada berkongsi pengalaman tentang keadaan ketika awal-awal berada disana?
79. Oleh sebab agak ramai yang tercedera dan terbunuh, berapakah pula bilangan pasukan petugas penyelamat Negara kita ditambah dan dikerahkan lagi (menggantikan yang telah tiada) untuk bertugas di Lahad Datu?
80. Walaupun rakyat Malaysia dimaklumkan bahawa keadaan di sana pada ketika ini sudah terkawal, namun dalam pengetahuan pihak Tuan, masih berlukukah serangan pencerobohan dari pengganas-pengganas Sulu terhadap Lahad Datu?
81. Ketika berlakunya kekacauan disana bagaimana orang awam menjalani kehidupan disana?
82. Pada pendapat Tuan, apakah relevannya pihak penyelamat Malaysia merahsiakan beberapa isu berkenaan pencerobohan Lahad Datu dari pengetahuan orang awam?

#### **Khidmat Sosial & Kemasyarakatan**

83. Selain daripada itu, Tuan juga pernah terlibat semasa Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Negara-Negara Komanwel (COGAM), bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit tentang COGAM?
84. Persidangan ini diadakan secara tahunan atau pada waktu-waktu tertentu sahaja?
85. Adakah Malaysia menjadi Tuan rumah ketika COGAM ini?
86. Selain daripada COGAM pernahkah Tuan terlibat dengan khidmat sosial dan kemasyarakatan yang lain?
87. Sepanjang tempoh perkhidmatan Tuan sebagai anggota polis apakah pencapaian yang Tuan telah capai setakat ini?
88. Apakah pandangan Tuan terhadap polis dahulu dan sekarang?
89. Kadang-kadang ada orang yang menyebarkan perkara-perkara yang tidak betul yang boleh mengancam keselamatan Negara kita, boleh tidak tindakan diambil sesetengah pihak yang menyebarkan perkara yang tidak baik diambil tindakan dengan menggunakan teknologi, contohnya laman sosial?

90. Jika diberi peluang, apakah yang Tuan ingin lakukan untuk meningkatkan produktiviti kerja dalam bidang ini (polis)?
91. Apakah pendapat Tuan tentang ada segelintir pihak memperkecilkan tugas seorang polis?
92. Berapa lama lagi Tuan ingin menyumbangkan khidmat Tuan sebagai anggota polis pada Negara?
93. Sepanjang Tuan berkhidmat sebagai anggota polis, dari bawah dan sebagai seorang Inspektor, adakah sumbangan-sumbangan lain yang Tuan ingin lakukan untuk Negara?
94. Sekiranya Tuan sudah bersara, adakah Tuan akan melibatkan diri dalam bidang sukarelawan?

# **LOG WAWANCARA**

## Log Wawancara

### BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
01.28	Latar belakang tokoh dan pendidikan	Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Medoi Sekolah Menengah Dato' Bentara Dalam Segamat Pusat Latihan Polis(PULAPOL) Sekolah Latihan Pasukan Gerakan Am(SLPGA) Pasukan Polis Hutan(PPH)
08.13	Kehidupan berumahtangga	Taman Permata, Kuala Lumpur UiTM (Universiti Teknologi Mara)
13.20	Latar belakang keluarga	Felda Medoi Segamat, Johor Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia(HUKM)
24.20	Kehidupan semasa bujang	Puan Khadijah binti Abdul Kadir
33.32	Idola sebagai inspirasi	Rasulullah S.A.W Tun Dr Mahathir Mohamad
35.48	Prinsip yang di pegang oleh tokoh	The best among the best (terbaik daripada yang terbaik)
38.34	Pendorong kerjaya	Puan Khadijah binti Abdul Kadir

## **BAHAGIAN B**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
39.33	Jawatan yang disandang	Inspektor Gerakan Team Kawalan Perdana
42.08	Pembahagian tugasan	Kejadian keganasan antarabangsa Memanteras kejadian gerila di bandar yang dipengaruhi pelampau Mengendalikan jenayah berprofil tinggi Menangani kejadian jenayah terancang melibatkan senjata api, keganasan, romapakan dan penawanan Pengiring orang kenamaan

## BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
58.17	Peristiwa serangan orang Sulu	Perairan Sabah,Malaysia (Kunak, Semporna, Sandakan Tawau)  Pulau Mabul  Polis DiRaja Malaysia  Pasukan Gerakan Marin Komander 69
01.00.30	Bilangan yang cedera dan terkorban	(tidak dinyatakan dengan jumlah yang tepat)
01.18.28	Pengurusan jenayah	Diuruskan dengan elok
01.20.30	Petugas yang bertugas di kawasan pemberontakan	Ada petugas yang diseksa sehingga meninggal
01.25.31	Pembahagian tugas	Tugasan dilakukan bertukar-tukar setiap Team Kawalan

## BAHAGIAN D

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
01.34.22	Persidangan COGAM	Queen Elizabeth datang merasmikan persidangan
01.37.34	Khidmat sosial	Aktiviti kebajikan anggota
01.38.39	Penghargaan perkhidmatan	Pencapaian tertinggi adalah menerima Pingat Keberanian Terbilang oleh Sultan Selangor pada 1997.
01.41.55	Pendapat tentang sistem polis dahulu dan sekarang	Berubah mengikut peredaran zaman dan teknologi

# **INDEKS**

# Indeks

## A

Agong, 20, 40  
Al-Quran, 45

## B

British, 39

## C

cedera, 20, 31

## E

ekonomi, 36

## F

felda, 5, 6, 9  
Felda Kemendur, 5  
Felda Medoi, 1, 4, 5, 6

## I

idola, 15, 16  
inspektor, 15, 18  
Ipoh, 1, 5  
isteri, 4, 11, 12, 14, 16, 26

## J

jenayah, 19, 23, 24, 36, 44

## K

KDMKA, 40  
keluarga, 9, 12, 13, 14, 16, 21, 24, 26, 32, 33  
KEMASYARAKATAN, 39  
kenamaan, 19, 20, 21, 22  
KERJA, 18  
KPN, 40

## L

LAHAD DATU, 25

## M

Malaysia, 1, 4, 6, 18, 25, 35, 37, 39, 40, 41, 42  
Melaka, 4, 5, 11, 12

## N

Negara, 1, 15, 20, 32, 34, 37, 39, 40, 41, 42, 44,  
45, 46

## O

operasi, 19, 20, 23, 24, 25, 27, 30, 31, 32

## P

Pasukan Gerakan Am, 1, 26  
Pasukan Polis Hutan, 1, 5  
PDRM, 1, 18  
pegawai, 18, 21, 27  
pelancong, 27, 28, 36  
pencerobohan, 25, 27, 30, 35, 37  
PENGALAMAN, 18, 25  
penggalas, 27, 31, 34, 35, 37  
Perdana Menteri, 15, 20, 39, 40  
Persatuan Kadet Polis, 1, 8  
persidangan, 39, 40  
Piala, 40  
Pingat, 40  
polis, 1, 3, 5, 6, 7, 8, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 18,  
19, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 36, 39, 40, 41,  
43, 44, 45, 46  
PULAPOL, 1, 5, 10  
pulau, 27, 28, 36

## R

Rasulullah, 15, 45

## S

Sabah, 25, 26, 27, 28, 30, 34, 36, 37  
Segamat, 1, 4, 5, 6  
senjata, 10, 19, 23, 34  
serangan, 21, 22, 25, 35  
siasatan, 38  
sosial, 39, 40, 42  
SOSIAL, 39  
Sulu, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 34, 35, 37  
Sunnah, 45

## T

teknologi, 42

tempatan, 19, 27, 28, 30, 31  
tentera, 6, 25, 26, 27, 28, 31, 32  
terbunuh, 29, 32, 33, 34

Universiti Teknologi Mara, 1, 4  
UTK, 5, 15, 19, 20, 21, 23

## U

Ulu Kinta, 1

## V

VIP, 20, 21, 22  
*VVIP*, 20

# **RUJUKAN**

## Rujukan

Rosmadi bin. Ruslan (wawancara, 23 November, 2013). Wawancara berkaitan , seorang anggota polis yang bertugas di Unit Tindakan Khas (UTK), sebagai tokoh dalam keselamatan dan pertahanan negara . Diwawancara oleh Farhah Amalina binti Mohd Hamal. Kuala Lumpur: Wilayah Persekutuan.

Official Website of Universiti Teknologi MARA (UiTM). (n.d.). *Official Website of Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. Retrieved December 11, 2013, from <http://www.uitm.edu.my/index.php/en>

Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (n.d.)*Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia*. Retrieved December 11, 2013, from <http://www.rmp.gov.my/>

KP Pusat Latihan Polis (Pulapol). (n.d.).*KP Pusat Latihan Polis (Pulapol)*. Retrieved December 11, 2013, from <http://jknkl.moh.gov.my/web/guest/kp-pusat-latihan-polis-pulapol>

# **LAMPIRAN**

## Lampiran



GAMBAR 1: Pingat Keberanian Terbilang Sultan Selangor



GAMBAR 2: Pingat Pangkuhan Negara Yang di-Pertuan Agong



GAMBAR 3: (keratan akhbar) Anugerah Maulidur Rasul peringkat kebangsaan daripada Yang di-Pertuan Agong



GAMBAR 4: Gambar ketika sesi temu ramah



GAMBAR 5: Gambar ketika sesi temu ramah



Tarikh : 30 September 2013  
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

## KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	FARHAA AMALINA BINTI MOHD HAMAL	2011443432
2.	NOOR AFIQAH BINTI BAHARI	2011604636

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **Ijazah Pengurusan Maklumat (IM225)**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahlisakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **FARHAA AMALINA BINTI MOHD HAMAL**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

  
**IMRAÑ BIN MOHAMED @ ISMAIL**  
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik  
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan TUAN ROSMADI BIN RYSLAH

Pada 12 OKTOBER 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah

Ketua Program  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi Mara